

BURUH WANITA DALAM INDUSTRI PEMEROSESAN DAUN TEMBAKAU
(KAJIAN KES DI STESEN PENGAWETAN)
DI BACHOK, KELANTAN

MUZAIRI SOUZA BIN MOHAMED
NO. MATRIK: 052490

Latihan Ilmiah Bagi Memenuhi
Sebahagian Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESI 1989/90

PENGHARGAAN

Pertamanya, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mereka dan badan-badan tertentu yang membantu semasa kajian ini dilakukan. Ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Fatimah Daud, selaku penyelia saya, yang bertungkus lumus membimbing dengan tunjukajar dan teguran yang berguna sehingga latihan ilmiah ini dapat disiapkan.

Tidak lupa juga pengkaji ingin mengucapkan penghargaan kepada pegawai dan kakitangan di Ibu Pejabat Lembaga Tembakau Negara Malaysia dan cawangan Bachok, serta Pengarah Jabatan Buruh Negeri Kelantan yang mendapatkan maklumat dan dokumen dari mereka. Juga kepada pengurus-pengurus Stesen Pengawetan di Daerah Bachok, yang mana tanpa kerjasama dari mereka membenarkan pengkaji menemuramah responden yang diingini, tidak mungkin kajian ini dapat disempurnakan.

Tidak ketinggalan juga, para pensyarah dan kakitangan di Jabatan Antropologi dan Sosiologi serta lain-lain yang banyak membuka fikiran dan pandangan sepanjang saya belajar di Universiti ini.

Akhirnya pengkaji ingin mengucapkan penghargaan kepada kedua orang tua pengkaji, berkat doa dan bantuan; pengkaji dapat melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Hanya Allah jua yang dapat membalas jasa baik semua
yang terlibat.

Wassalam.

D 205
Asrama Tuanku Abdul Rahman
(1st Res. College)
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

MUZAIRI SOUZA BIN MOHAMED
NO. MATRIK: 052490

30hb. November 1989

SINOPSIS

Secara keseluruhannya, latihan ilmiah ini adalah mengenai penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan dalam industri pemerosesan daun tembakau di stesen pengawetan. Dengan kata lain, kajian ini merupakan satu tinjauan mengenai peranan dan sumbangsan wanita dalam menggerakkan industri pemerosesan daun tembakau.

Dalam Bab I, diuraikan tentang tujuan, bidang, kaedah, masalah dan kepentingan kajian.

Bab II pula membincangkan secara umum konsep peranan, peranan wanita dalam pekerjaan yang sering digunakan dalam perbincangan mengenai penyertaan wanita dalam pekerjaan.

Bab III pula mengutarakan tentang Profil Perusahaan Tembakau di Malaysia. Secara ringkas, bagaimana ia dapat menyediakan peluang kerja kepada wanita.

Bab IV menumpukan kepada latarbelakang, keadaan sosial dan ekonomi responden, pekerja wanita di stesen pengawetan tembakau.

Bab V pula menyatakan mengenai pemasalahan yang dihadapi oleh pekerja wanita dan masa depan mereka dalam industri ini.

Bab VI iaitu bab akhir, kesimpulan yang diperolehi dari kajian. Di bab ini juga kesempatan diambil untuk mengemukakan cadangan bagi tindakan selanjutnya.

SENARAI JADUAL DAN RAJAH

- Jadual 3.1 : Pembelian Daun Pokok Tembakau Kering
Oleh Pengilang Rokok 1984 - 1988
- Jadual 3.2 : Seramai Bilangan dan Jenis Pekerja Tetap
Di Stesen Pengawetan
- Jadual 3.3 : Seramai Bilangan dan Jenis Pekerja Sementara
Di Stesen Pengawetan
- Jadual 4.1 : Pembahagian Umur Responden
- Jadual 4.2 : Tingkat Pelajaran Responden
- Jadual 4.3 : Jenis Kerja Di Stesen Pengawetan Yang Dilakukan
Oleh Pekerja Wanita
- Jadual 4.4 : Kadar Bayaran Yang Dibayar Kepada Pekerja
Wanita Di Stesen Pengawetan
- Jadual 4.5 : Pendapatan Bulanan Responden Mengikut Status
- Jadual 4.6 : Perbelanjaan Bulanan Oleh Responden Yang
Sudah Berkeluarga
- Jadual 4.7 : Perbelanjaan Bulanan Bagi Barang Dapur
Responden Yang Telah Berkahwin
- Jadual 4.8 : Jenis Kemudahan Yang Diterima Oleh Pekerja
Wanita Di Stesen Pengawetan Perbandingan
Antara Pemilikan Swasta dan Kerajaan
- Jadual 5.1 : Jenis Masalah Yang Dihadapi Oleh Pekerja
Wanita Di Stesen Pengawetan Tembakau
- Rajah 5.1 : Carta Organisasi Stesen Pengawetan Tembakau

SENARAI GAMBAR

- Gambar A : Checker atau Pemeriksa Daun Kering Sedang Memeriksa Daun Kering Yang Telah Diawet Penggred, Menentukan Kesesuaian Spesifikasi
- Gambar B : Mengikat atau Mengilas Daun Hijau
- Gambar C : Melerai atau Merombak Daun Kering Dari 'Slings' Yang Baru Dikeluarkan Dari Rumah Awet
- Gambar D : Penggred Sedang Memilih Daun Tembakau Kering
- Gambar E : Rumah Lama Salah Seorang Pengusaha Stesen Pengawetan Tembakau
- Gambar F : Rumah Baru Pengusaha Stesen Pengawetan Tembakau

SENARAI PETA

- Peta 1 : Kedudukan Daerah-Daerah Dalam Jajahan Bachok
- Peta 2 : Taburan Stesen Pengawetan Tembakau
Di Negeri Kelantan
- Peta 3 : Taburan Kawasan Penanaman Tembakau Di Malaysia

DAFTAR KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	iii
DAFTAR KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL DAN RAJAH	vii
SENARAI GAMBAR	viii
SENARAI PETA	ix
BAB I : PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Tujuan Kajian	1
1.3 Bidang Kajian	2
1.4 Latarbelakang Tempat Kajian	6
1.5 Kaedah Kajian	7
1.6 Masalah Kajian	11
1.7 Kepentingan Kajian	12
BAB II : KONSEP DAN TEORI	13
2.1 Pengenalan/Definisi Peranan	13
2.2 Konsep Wanita dan Pekerjaan	20
2.3 Penulisan Tempatan	27
BAB III: PROFIL PERUSAHAAN TEMBAKAU DI MALAYSIA	28
3.1 Latarbelakang Sejarah	28
3.2 Perkembangan Pengilangan Rokok	36
3.3 Perkembangan Pengawet Tembakau Persendirian Di Malaysia	38

Muka Surat

3.4 Perkembangan Perusahaan Tembakau Di Kelantan	39
3.5 Jumlah Stesen dan Bilangan Pekerja	41
BAB IV : LATARBELAKANG, KEADAAN SOSIAL DAN EKONOMI RESPONDEN	46
4.1 Latarbelakang Responden	46
(a) Peringkat Umur	
(b) Tingkat Pelajaran	
4.2 Jenis Industri Dikaji	48
4.3 Faktor Yang Menyebabkan Responden Bekerja	49
4.4 Jenis Pekerjaan Yang Dilakukan Pekerja Wanita	50
4.5 Jumlah Jam dan Hari Bekerja	59
4.6 Kadar Bayaran Yang Diperolehi	61
4.7 Pendapatan	63
4.8 Perbelanjaan	66
4.9 Tabungan	70
4.10 Kemudahan Yang Diperolehi	71
1. KWSP	
2. Bonus	
3. Cuti	
4. Insuran Kemalangan dan Perubatan	
5. Latihan	
6. Pinjaman Kecemasan	
7. Lain-lain Kemudahan	

Muka Surat

4.11 Sosial 78

1. Hubungan Dengan Majikan
2. Sikap dan Pandangan Responden Terhadap Pekerjaan
3. Hubungan Sesama Pekerja

BAB V : MASALAH DAN MASA DEPAN

5.1 Masalah Sewaktu Menjalankan Tugas 82

1. Gaji Rendah
2. Kebajikan Pekerja
3. Tempat Kerja Tidak Memuaskan
4. Rumah tangga
5. Lain-lain Masalah

5.2 Masa Depan


BAB VI : KESIMPULAN 95

BIBLIOGRAFI 105

LAMPIRAN-LAMPIRAN

PETA 1

KEDUDUKAN DAERAH-DAERAH DALAM JAJAHAN BACHOK.



Sumber: Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok, Bachok, Kelantan.

BAB I

PENGENALAN

1. Pendahuluan

Secara amnya kajian ini akan menumpukan kepada kegiatan dan penglibatan wanita dalam industri memproses tembakau. Kajian yang dibuat adalah untuk melihat sejauhmanakah peranan yang telah dimainkan oleh buruh wanita dan sumbangannya terhadap industri ini.

1.2 Tujuan Kajian

1. Kenapa dan mengapa wanita terlibat dalam industri tembakau ini?
 - Faktor-faktor yang menyebabkan wanita terlibat dan jenis penguasaan dalam industri pemerosesan daun tembakau, di mana keseluruhan buruh wanita digunakan akan dikaji.
2. Apakah sumbangan yang diberikan oleh buruh wanita ini?
 - Faktor lain yang akan dilihat dalam bahagian ini ialah apakah penglibatan wanita dalam industri tembakau akan menyebabkan pendapatan keluarga akan turut meningkat. Kadar pengangguran menurun dan adakah produktiviti pekerja wanita dalam industri ini tinggi atau meningkat

3. Bagaimana mereka mengambil bahagian? Bagaimanakah buruh wanita sama ada yang berkahwin atau bujang itu bekerja dan membahagikan masa antara kerja dan rumahtangga?
4. Apakah sikap mereka terhadap pekerjaan dan masalah yang dihadapi hasil dari pendapatan mereka dalam industri pemerosesan tembakau ini?
5. Bagaimana industri tembakau boleh menyediakan pekerjaan kepada wanita?

Dengan kajian terhadap penyertaan mereka dalam industri ini, akan dapat kita lihat bagaimana pendapat umum yang menyatakan bahawa wanita Bumiputera, khususnya di luar bandar negeri Kelantan bergerak di lingkungan rumahtangga sahaja harus dinafikan atau sebaliknya.

1.3 Bidang Kajian

Secara amnya kajian ini akan menumpukan kepada kegiatan dan peranan wanita dalam industri tembakau di stesen atau syarikat pengawetan. Kajian yang dilakukan akan menghuraikan peranan wanita dalam pekerjaan. Ia akan dikaitkan dengan faktor sosio-ekonomi pekerja wanita yang terlibat dengan industri ini.

Perkembangan perusahaan tembakau di Malaysia hari ini, khususnya Kelantan adalah hasil dari perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dijalankan oleh kerajaan. Tujuan utama DEB ialah untuk membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat, bagi

menghapuskan pengenalan kaum mengikut kegiatan ekonomi yang dilakukan.

Dasar Pertanian Negara (DPN), yang merupakan strategi di bawah DEB digunakan untuk mencapai hasrat tersebut. Melaluinya kegiatan pertanian diutamakan. Kerajaan memberi pelbagai galakan dan insentif, menggalakkan penduduk negara ini khususnya penduduk negeri Kelantan yang menjadi tempat kajian melibatkan diri dalam pertanian terutamanya dalam penanaman dan perusahaan tembakau. Hasil dari penanaman tembakau telah melahirkan sebilangan besar pengawet dan stesen pengawetan yang membeli daun tembakau hijau dari penanam dan memproses, dan akhirnya menjual daun tembakau yang telah diawetkan kepada pengilang rokok.¹

Perusahaan tembakau telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan terutamanya kepada wanita yang menjadi fokus kajian dalam latihan ilmiah ini. Kajian ke atas peranan pekerja atau buruh wanita dalam perusahaan ini adalah penting, kerana sebahagian besar bahagian kerja pemerosesan lebih dari 70% tenaga penggeraknya adalah wanita. Tanpa sumbangan dari mereka boleh dikatakan industri tembakau di negara ini akan lumpuh. Jenis kerja di stesen pengawetan tembakau dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bekerja tetap di bahagian pengurusan yang terdiri dari Pengurus, Penyelia Stesen, Penyelia Padang, Pegawai Padang, Kerani dan lain-lain. Dalam bahagian ini pekerja wanita terlibat sebagai kerani. Manakala di bahagian pemerosesan terdiri dari pekerja sementara, buruh daun hijau, mengikat daun hijau, merombak

dan memilih daun kering, pegawai padang/kerani, penjaga api (rumah awet) dan juga 'checker'. Mengikat daun hijau, merombak dan menggred daun kering, 'checker' (pemeriksa daun kering) dan juga kerani terdiri dari wanita. Bahagian-bahagian ini adalah antara bahagian yang terpenting dalam proses pengeringan daun tembakau basah kepada yang kering, sebelum diproses kembali oleh pengilang untuk dijadikan rokok.

Kerja-kerja yang dilakukan wanita ini memerlukan penelitian dan kesabaran yang kuat, memakan masa yang agak panjang untuk menyelesaikannya kerana itu ia sesuai untuk wanita. Kaum lelaki walaupun mampu untuk melakukan kerja itu tapi mutu kerja yang dihasilkan adalah tidak setanding dengan apa yang dilakukan oleh wanita. Dalam industri ini kaum wanita banyak digunakan dalam kerja-kerja yang memerlukan tenaga yang kuat dan jenis kerja yang disebutkan di atas.

Suatu keadaan yang dapat kita lihat hari ini hasil dari penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan ialah mengapa kaum wanita diberi kadar upah atau gaji yang tidak setimpal dengan pekerjaan yang dilakukan, sedangkan syarikat tempat mereka bekerja perolehi keuntungan yang berlipatganda hasil dari kerja yang disumbangkan mereka. Keadaan ini menjadi persoalan, mengapa wanita senang dieksplotasi.

Beberapa faktor yang menyebabkan perkara di atas berlaku mengikut Profesor Madya Dr. Fatimah Daud² yang menjalankan kajian mengenai pekerja kilang ialah pasaran buruh wanita yang senang

diperolehi. Kosnya lebih murah dari lelaki. Pada asasnya sikap wanita mengikut perspektif majikan adalah tidak agresif, menganggap wanita lebih senang bekerjasama dan lebih bertolak ansur dalam kerja berbanding dengan lelaki. Walaupun syarikat mengeluarkan modal yang besar bagi menampung kos pengeluaran, mereka tidak seharusnya mengabaikan tanggungjawab terhadap kebijakan pekerja seperti memberi bonus dan pampasan jika berlaku kemalangan, dibuang kerja dan sebagainya.

Pemilihan responden adalah penting, pengkaji mengambil kira perkara seperti umur responden, jumlah anak, bujang atau kahwin, taraf pendidikan dan ekonomi keluarga untuk melihat bagaimana gunatenaga mereka digunakan dalam industri ini.

Kajian akan lebih bercorak perbandingan di antara pemilikan syarikat atau stesen persendirian dan juga kerajaan. Peranan kerajaan juga akan dilihat kerana pada masa yang sama kempen 'anti-merokok' dilancarkan oleh pihak berkuasa, sedangkan industri ini menyediakan peluang pekerjaan yang besar khususnya terhadap kaum wanita.

Setakat ini tulisan tempatan mengenai tembakau hanya melibatkan golongan pengusaha atau pemilik stesen pengawetan, dan ia merupakan latihan ilmiah dari jabatan ini, yang dibuat oleh Che Ghani Che Mohamad yang membincangkan tentang penglibatan Bumiputera dalam bidang pengawetan tembakau. Kajian kos dilakukan di Pasir Puteh, Kelantan pada tahun 1980. Kajian mengenai buruh

wanita dalam industri pemerosesan daun tembakau tidak pernah dilakukan orang lain sebelum ini. Adalah diharapkan hasil dari kajian ini dapat dicadangkan beberapa resolusi dan sistem yang lebih baik untuk meningkatkan taraf hidup buruh wanita dan memberi sumbangan terhadap perkembangan pengajar buruh wanita di Malaysia.

1.4 Latarbelakang Tempat Kajian

(a) Kelantan Secara Umum

Negeri Kelantan merupakan negeri yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Negeri ini adalah sesuai untuk penanaman tembakau disebabkan oleh keadaan tanahnya yang sesuai iaitu tanah yang mengandungi mendapan berpasir.³ Dengan adanya tanaman tembakau, telah melahirkan perusahaan memproses daun tembakau di mana hasil darinya, negeri Kelantan telah dapat meningkatkan pendapatan penduduk dan seterusnya dapat disalurkan untuk pembangunan negara.

Negeri Kelantan adalah sebuah negeri yang moden, jika dibandingkan dengan negeri lain di Malaysia. Kebanyakan penduduknya terlibat dengan pertanian sebagai pendapatan umum. Di samping pertanian, perikanan juga dijalankan terutamanya penduduk di tepi pantai. Sebahagian kecil dari penduduknya pula terlibat dengan bidang pentadbiran secara kecil-kecilan seperti membuat batik, tembaga dan lain-lain. Tetapi jika ditinjau secara keseluruhan, dapatlah dibuat penegasan bahawa 60% daripada penduduk negeri ini adalah terlibat dengan sektor pertanian.

Akhir-akhir ini, dengan daya usaha kerajaan, kawasan industri telah dibuka di Pengkalan Chepa. Dengan pembukaannya banyaklah kilang-kilang dibuka dan dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Tapi kejayaannya masih belum ketara lagi.

Pengenalan penanaman tembakau oleh MTC (Malayan Tobacco Company) tahun 1957, menarik minat petani untuk mengusahakannya dan hasil darinya mewujudkan stesen pengawetan, perusahaan memproses daun tembakau sebelum dijual kepada pengilang. Perusahaan tembakau ini telah membuka banyak peluang pekerjaan yang memerlukan ramai pekerja yang terlibat di dalamnya.

(b) Latarbelakang Daerah Bachok

Daerah Bachok merupakan satu daerah yang terletak di kawasan subur di sebelah utara negeri Kelantan. Bandar terbesar bagi daerah ini ialah bandar Bachok. Bandar ini memainkan berbagai fungsi seperti pusat pentadbiran, pusat perdagangan, pusat kegiatan sosial dan pusat keagamaan bagi daerah ini.

Terdapat 3 kumpulan etnik besar mendiami daerah ini iaitu Melayu, Cina dan Siam. Etnik Melayu dan Siam tinggal di kampung-kampung yang berselerak di daerah ini. Mereka menjalankan usaha-usaha pertanian seperti menanam padi, menanam tembakau dan juga tanaman lain. Secara ringkas dapatlah dikatakan bahawa etnik ini menjalankan kegiatan pertanian sebagai sumber ekonomi mereka. Etnik Cina pula tinggal di pekan-pekan dan bandar dengan menjalankan

perniagaan runcit, borong, pengedar dan pembeli kepada hasil pertanian. Secara ringkas didapati bahawa walaupun etnik Cina tidak ramai, namun mereka dapat dikatakan sebagai penentu kepada kegiatan ekonomi moden di daerah ini.

Sebilangan kecil dari penduduk daerah ini terlibat dalam sektor awam. Mereka bekerja sebagai pekerja di jabatan kerajaan, guru, kerani dan lain-lain jabatan kerajaan. Golongan ini merupakan golongan elit di Bachok. Mereka mendiami pusat bandar mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh dan merupakan "model" dari segi sosial kepada para petani.

1.5 Kaedah Kajian

(a) Pemilihan Sampel

Pemilihan sampel adalah penting di dalam satu-satu kajian. Dalam hal ini, pengkaji tidak menghadapi masalah untuk memilih syarikat pengawetan tembakau kerana pihak Lembaga Tembakau Negara Cawangan Bachok memberikan senarai nama stesen serta alamat masing-masing. Sejumlah 44 stesen pengawetan terdapat di daerah ini dan pengkaji membahagikannya kepada kedua-dua bentuk iaitu stesen pengawetan swasta dan kerajaan.

Responden yang menjadi bahan kajian, yang terdiri dari pekerja wanita di stesen pengawetan ini dihadkan kepada 60 responden sahaja. Pengagihan dilakukan samarata di kedua-dua bentuk pemilikan dan juga pekerja yang statusnya bujang atau berkahwin. Had umur responden adalah 18 tahun ke atas.

(b) Soalselidik

Pengkaji menyediakan satu set 'questionnaires' mengenai buruh wanita dalam industri tembakau. Tiap-tiap responden yang dikaji ditanyakan soalan secara "face to face". Ini untuk membolehkan pengkaji membuat perbandingan antara seorang responden dengan responden lain. Perbezaan dalam jawapan yang diberi boleh mempengaruhi maksud dan implikasi kepada soalan yang diberi.

Soalselidik yang dikemukakan ini mempunyai dua bahagian:

(i) Soalselidik Tertutup

Dikemukakan untuk mengetahui latarbelakang responden di segi pekerjaan, umur, kedudukan ekonomi dan lain-lain keterangan yang dapat diperturunkan dalam bentuk jadual bagi menjelaskan keadaan ini.

(ii) Soalselidik Terbuka

Dibentuk dengan memberi kebebasan kepada responden tentang sesuatu yang diperlukan berbanding dengan soalselidik tertutup. Jawapan yang diberi adalah mengikut kehendak responden. Pengkaji ada hak untuk mengulangi soalan dan "cross-checking" dengan mengemukakan soalan yang lebih mendalam. Pengkaji terpaksa habiskan masa yang panjang untuk mendapatkan data yang diperlukan kerana responden kadang-kadang meleret-leret dalam menjawab soalan dan terkeluar dari apa yang dikehendaki.

(c) Temuramah

Kaedah ini digunakan pengkaji untuk mengetahui sebarang masalah tentang kerja dan secara tidak langsung diselitkan beberapa soalan yang ingin diketahui dari responden. Ini dilakukan secara informal. Dengan cara ini kita berpeluang menerangkan maksud tujuan, menerangkan soalan yang lepas dan memasukkan cara menyoal mengikut reaksi responden. Maklumat dapat diperolehi dan responden sendiri merasa selesa dengan apa yang dijalankan oleh pengkaji.

(d) Pemerhatian

Kaedah ini untuk melengkapkan kedua-dua metode tadi, di samping membuktikan dan menguatkan lagi kebenaran jawapan responden. Digunakan untuk mengetahui perkara yang dianggap sensitif oleh responden. Pengkaji memerhati geraklaku kumpulan yang dikaji dan mencatatkan apa yang dilihat akan dapat mengesahkan sesuatu jawapan yang diberi. Ini juga memberi gambaran yang lebih jelas bagaimana kaum wanita menjalankan kerja mereka, cara dan kecekapan belanja.

Kajian Perpustakaan

Di samping mendapatkan data-data dari soalselidik, perbualan dan pemerhatian; rujukan perpustakaan banyak menolong pengkaji untuk mendapatkan data yang diperlukan. Ini bertujuan untuk membuat rujukan kepada bahan-bahan bertulis bagi mendapatkan sedikit sebanyak tentang teori dan konsep yang digunakan dalam latihan ilmiah ini.

1.6 Masalah Kajian

Pengkaji menghadapi beberapa masalah semasa kajian ini dilakukan. Kerjasama dari beberapa orang pengurus stesen pengawetan swasta tidak begitu menggalakkan. Mereka bimbang pekerja-pekerja akan membocorkan rahsia mengenai ketidakadilan syarikat dalam memberi kebajikan terhadap pekerja. Bila diterangkan tujuan kajian ini semata-mata untuk akademik, barulah pengkaji dapat melakukan kajiselidik. Bagi syarikat milik kerajaan, kerjasama yang diberi amat memuaskan.

Masalah lain ialah untuk mendapatkan butir-butir yang betul dari 'informant'. Contohnya gaji, pola perbelanjaan dan yang berkaitan. Kadangkala mereka agak keberatan untuk menyatakan hal sebenar pada pengkaji dan pengkaji terpaksa meleret-leret pada perkara lain dahulu dan secara tidak disedari data-data dapat diketahui. Dan ini tentunya memakan masa yang agak panjang.

Pengkaji menghadapi masalah dengan responden bila ditanya mengenai cita-cita, tahap pendidikan, umur dan status dan perkara ini berlaku kerana pengkaji adalah lelaki dan responden adalah wanita. Mereka sebahagian besarnya bersikap terlalu merendah diri kerana itu pengkaji tidak dapat melibatkan diri dengan semua responden.

1.7 Kepentingan Kajian

Adalah diharapkan dari kajian yang dilakukan ini dapat dicari jalan penyelesaian terhadap pekerja-pekerja wanita yang sentiasa tertindas, senang dimanipulasi dan dieksplotasi oleh majikan ini terbela. Kebajikan pekerja dapat dipertingkatkan sesuai dengan produktiviti yang dihasilkan. Majikan tidak seharusnya mementingkan keuntungan semata dan pihak lain yang bersangkutan dengan industri tembakau seperti Lembaga Tembakau Negara, Jabatan *Buruh* dan lain-lain bersatu dalam meningkatkan taraf pekerja wanita ini.

Notakaki

1. Peranan dan Perkhidmatan, Jurnal terbitan Lembaga Tembakau Negara (LTN), Kementerian Perusahaan Utara, 1986, m.s. 2.
2. Dr. Fatimah Daud, 'Minah Karan The Truth About Malaysian Factory Girls', Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1985, hal. 22 - 23.
3. Kerajaan Negeri Kelantan, Fokus Negeri Kelantan, 1985, hal. 131.

BAB II

KONSEP DAN TEORI

Dalam bab ini pengkaji akan menghuraikan konsep dan teori yang berkaitan dengan tajuk latihan ilmiah iaitu penglibatan buruh wanita di sektor pekerjaan dalam industri tembakau yang telah dijalankan oleh ahli sosiologi. Tujuan utama penghuraikan konsep dan teori adalah untuk memudahkan pemahaman bab yang berikutnya. Konsep yang diberi penekanan ialah konsep peranan dan sikap terhadap pekerjaan dan rumahtangga.

2.1 Definisi Peranan

Definisi peranan yang agak tepat masih belum ada lagi. Ini membolehkan para pengkaji menggunakan istilah 'peranan' dengan berbagai cara. Definisi-definisi yang diberikan oleh seorang sarjana dengan sarjana yang lain adalah berbeza-beza, menyebabkan konsep peranan tidak dapat dijelaskan dengan tepat dan jitu oleh para sarjana.

Banton telah menggariskan beberapa perbezaan terhadap definisi peranan yang telah diberikan oleh beberapa orang sarjana dalam bukunya "Role". Linton dan New Comb T.H. telah mendefinisikannya sebagai peranan tapi mengikut Kingsley Davies pula, ia mengatakan peranan itu sebagai status. Apa yang Davies anggap sebagai peranan, New Comb mengatakannya sebagai perlakuan peranan (role behavior) dan T.R. Sarbin pula menyebutkan sebagai peraturan peranan.¹

N. Gross pula dalam bukunya yang bertajuk "Role", mendefinisikan peranan seperti berikut:-

"Role is defined as a set of expectation in terms of our definition of expectations. It is a set of evaluative standards applied to the incumbent of a particular position."²

R. Frankenberg dalam buku yang sama mendefinisikan peranan sebagai:

"People expect appropriate behavior from the holder of a particular position. The sum of these expectation is the role."³

Sebagai kesimpulan, dapatlah kita katakan bahawa peranan itu adalah sebagai satu pola kelakuan jangkaan (expected behavior) yang berkaitan dengan status atau kedudukan seseorang dalam sesuatu kelompok. Jadi peranan dan status tidak dapat dipisahkan dalam hidup seseorang. Peranan individu itu dapat menentukan status dalam masyarakatnya.

Dalam menjalankan satu-satu pekerjaan, peranan itu memang tidak dapat dielakkan dari tugas seseorang itu. Dalam kehidupan seharian, seseorang individu memainkan banyak peranan yang juga dikenali sebagai "Role Set". Contohnya dalam satu keluarga seorang wanita itu akan menjadi seorang isteri, seorang ibu, seorang surirumah, seorang kakak, malah seorang anak jika tinggal bersama ibubapanya. Peranan-peranan yang disebutkan ini akan berubah, sebaik saja melangkah keluar dari alam rumahtangga; misalnya berperanan sebagai seorang pegawai atau eksekutif di pejabat,

pendidik, jururawat dan sebagainya. Situasi yang berbeza di antara dalam rumahtangga dan di luar rumahtangga itu adalah tidak tertumpu pada satu-satu peranan sahaja malah seseorang individu itu dalam kehidupannya sehari-hari memegang banyak peranan dan ini juga dikenali sebagai "multiple role".

Peranan wanita di dalam masyarakat yang ia anggotai bergantung kepada statusnya dalam masyarakat tersebut. Dalam masyarakat tradisi, peranan wanita tidak begitu penting kerana ia hanya memainkan peranan sebagai ibu, surirumah dan ahli/anggota masyarakat. Tapi dalam masyarakat yang lebih kompleks seperti apa yang wujud hari ini, wanita telah memainkan peranan yang dahulunya dipegang oleh kaum lelaki sahaja. Mereka menjalankan kerja-kerja yang dilakukan oleh kaum lelaki seperti ketua pejabat, pemandu kereta, saintis dan sebagainya. Bagi masyarakat Melayu desa yang masih kuat berpegang kepada adat tradisi, faktor jantina masih menentukan peranan seseorang itu dan dalam konteks ini wanita masih dianggap lemah, dan hanya sesuai untuk membuat kerja ringan sahaja. Wanita diberi peranan untuk mengurus rumahtangga dan mengasuh anak-anak.

Jadi di sini jelaslah kepada kita bahawa status itu menentukan peranan yang harus dinaikkan oleh seseorang individu itu dalam menjalani kehidupan sehariannya. Ini bertepatan sekali dengan definisi yang diberikan oleh Ralph Linton di dalam bukunya yang berjudul "The Study of Man" yang berbunyi:

"... a role represents the dynamic aspect of a status. When an individual puts the rights and duties into effect, he is performing a role...."⁴

Maksud peranan itu adalah untuk melahirkan perlakuan dari satu kedudukan atau status. Ini bererti peranan yang dilakukan oleh individu itu adalah satu perlakuan dari satu kedudukan atau status individu itu. Oleh sebab setiap individu mempunyai tugas dan hala tertentu dalam masyarakat yang ia anggotai, maka ini bererti tugas dan hak yang ada padanya itu akan menentukan peranan yang dimainkan olehnya.

Ditinjau dari segi peranan lelaki dan wanita, di antaranya terdapat perbezaan yang ketara. Ahli sosiologi Ernestine Friedl,⁵ telah menghuraikan faktor-faktor yang membezakan peranan tersebut. Beliau telah mengutarakan dua golongan yang bertentangan dalam membincangkan konsep peranan ini. Satu daripadanya dinamakan 'biologist' dan satu lagi dinamakan 'environmentalist'. Bagi golongan 'biologist', faktor biologi menjadikan penentu terhadap peranan individu dalam masyarakat. Wanita sesuai dengan sifat semulajadinya yang lemah lembut, mengendalikan tugas yang ringan sahaja dalam jangka waktu yang terhad. Manakala golongan 'environmentalist' menyatakan faktor budaya dan persekitaran menentukan peranan individu dalam masyarakat. Tidak semestinya tugas lelaki itu tidak dapat diceburi oleh wanita asalkan mempunyai kelayakan dan kemampuan, mereka dapat mengambil alih tugas lelaki walaupun tidak kesemuanya.

Di zaman ini peranan wanita di luar rumah haruslah diakui bahawa ianya sama penting dengan peranan dalam rumah tangga, sesuai dengan kemajuan dalam bidang pendidikan yang diterima. Keinginan untuk meningkatkan taraf ekonomi keluarga menjadikan peranan wanita itu sama pentingnya dengan peranan kaum lelaki.

Di antara salah satu faktor terpenting yang menentukan sama ada seseorang wanita itu bekerja dalam konteks 'makan gaji' adalah ditentukan oleh pendapatan keluarga ataupun suami. Kalau keluarga atau suami kurang kemampuan untuk memberi kemewahan hidup kepada keluarga atau isteri, maka mereka akan melibatkan diri dengan alam pekerjaan. Anggapan ini tidaklah tepat kerana ada faktor lain yang mempengaruhi seperti bosan tinggal di rumah, mencari status yang lebih tinggi dan lain-lain faktor yang menyebabkan mereka masih lagi keluar bekerja.

Mengikut perspektif Islam pula, sebagai seorang individu wanita itu adalah seorang makhluk Tuhan yang mempunyai peranan dan hak yang tertentu. Dalam Islam, wanita itu amat mulia kedudukannya. Islam menegaskan yang wanita itu sama dengan kaum lelaki dari segi kemanusiaannya. Wanita berhak untuk mendapat kedudukan mulia, berhak dihargai dan diterima pandangan atau pendapatnya yang bernilai. Dalam masyarakat kita, apabila seseorang wanita itu sudah baligh (cukup umur), ia akan dikahwinkan iaitu memasuki satu alam baru di mana peranan utamanya ialah sebagai seorang isteri dan juga ibu. Dalam institusi perkahwinan, kedua-dua pihak (suami dan isteri) mempunyai tanggungjawab yang

sama berat untuk berjayakannya. Ada sebuah hadith yang bermaksud:

"Ketahuilah sesungguhnya bagi kamu terhadap isteri-isteri kamu ada kewajipan dan bagi isteri-isteri kamu terhadap kamu ada kewajipan."

(Riwayat Bukhori dan Muslim)

Secara umum, sememangnya peranan wanita bergantung kepada dua faktor asas iaitu faktor biologikal dan alam sekeliling yang berkaitan dengan sosio-budaya. Mengikut nilai-nilai masyarakat, wanita dianggap sebagai makhluk yang lemah. Maka tugas dan tanggungjawab yang diberikan adalah bersesuaian dengan kemampuan tenaga fizikalnya.

Ditinjau dalam lingkungan masyarakat Melayu yang memberi kepentingan kepada wanita Islam, peranan wanita didapati lebih berpengaruh dalam pelbagai hal. Keadaan ini dapat disesuai dan dirujuk kepada hadith Nabi Muhammad S.A.W. yang membawa erti:

"... Wanita-wanita adalah tiang negara, jika wanita baik maka negara akan berjaya, dan jika wanita rosak, negara akan hancur."

Dr. Azizah Kassim berpendapat tugas seorang wanita itu akan menjadikannya seorang yang serba boleh; ia menjadi pengasuh, pendidikan, kekasih, pelayan, kadang-kadang menjadi pentadbir belanjawan, setiausaha dan penasihat suaminya.⁶ Keadaan ini menunjukkan betapa besarnya peranan dan sumbangan kaum wanita itu.

2.2 Wanita dan Pekerjaan

Seseorang wanita itu tidak terbatas peranannya di dalam kegiatan seharian, malahan kaum wanita mempunyai peranan yang lebih luas dari kaum lelaki. Banyak pendapat yang dikemukakan oleh ahli-ahli sosiologi dalam membincangkan pengertiannya.

"Bekerja" seperti yang digunakan dalam penyiasatan tenaga buruh dari Buku Tahunan Perangkaan, Jabatan Perangkaan Malaysia ialah:-

"Semua orang yang pada bila-bila masa dalam dibuat rujukan sebarang kerja untuk bayaran, keuntungan atau faedah untuk keluarga (sebagai majikan, pekerja, pekerja sendiri sahaja). Juga dianggap sebagai pekerja ialah orang-orang yang tidak bekerja dalam minggu rujukan dibuat disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkhan buruh serta sebab sosial dan agama, tapi mempunyai pekerjaan yang akan kembali dibuat, bila semua masalah selesai. Juga termasuk dalam bekerja ialah mereka yang tidak bekerja buat sementara waktu dengan bergaji tetap dan akan dipanggil balik bekerja bila diperlukan."

Dalam kajian ini, konsep kerja yang digunakan agak berbeza dengan yang didefinisikan oleh Jabatan Perangkaan itu. Bekerja dalam kajian ini hanyalah mereka yang membuat sebarang aktiviti untuk bayaran keuntungan atau faedah. Dengan kata lain, kaum wanita yang membuat kerja di rumah walaupun bergaji, tidak dianggap bekerja dalam kajian ini.

Raymond Firth memberikan pendapatnya mengenai kerja. Beliau menyarankan bahawa pekerjaan melibatkan satu set perhubungan sosial di samping perhubungan ekonomi dan teknologi. Menurutnya:

"Work occurs frequently as a group behavior usually performed by some persons in connection or co-ordination with other persons with for the benefit of yet still other persons and often involve collective motivation, co-ordination and evaluation."⁷

Jadi kerja adalah cara atau usaha yang dilakukan oleh seseorang untuk menghasilkan sesuatu benda yang bernilai, terutama yang berkaitan dengan ekonomi bagi mendapatkan upah dan ganjaran daripadanya demi untuk memperolehi kesenangan dan kemudahan dalam kehidupan.

Penyertaan wanita dalam pekerjaan terutama dalam bidang kerja kaum lelaki merupakan suatu fenomena baru di dunia ini, selepas berlakunya revolusi perindustrian di Eropah abad ke 18 dan 19, di mana wanita telah menawarkan tenaga buruh dengan melibatkan diri dalam berbagai bidang pekerjaan. Penyertaan wanita ini menunjukkan satu corak baru dari sejarah ekonomi barat. Keadaan ini turut dirasai di negara dunia ketiga seperti Malaysia, terutamanya hasil dari kejayaan bidang pendidikan dan pekerjaan yang memberi peluang kepada wanita belajar dan seterusnya menyedari peranan dan peluang yang dapat dinaikkan oleh mereka dalam bidang ekonomi di mana tenaga mereka dipentingkan.

Beberapa pendapat pengkaji yang melihat peranan wanita dan pekerjaan dikemukakan. Salah satu darinya oleh Olive Shreiner dalam bukunya "Women and Labour".⁸ Beliau telah menunjukkan kedudukan wanita dalam masyarakat adalah lebih rendah dari lelaki. Di zaman tradisi, peranan mereka adalah terhad kepada rumah tangga sahaja. Selepas itu mulai berkembang dengan wanita terlibat dengan kegiatan ladang membantu suami dan keluarga dalam pengeluaran pertanian. Peranan wanita tampak lebih nyata. Dan keadaan ini berubah bila Revolusi Industri di mana wanita Britain telah keluar dari rumah untuk bekerja di kilang, terutamanya semasa ekonomi berkembang dan permintaan terhadap tenaga buruh adalah tinggi. Namun begitu, mereka masih menerima gaji yang rendah daripada lelaki. Keadaan ini menurut Shreiner, adalah kerana wanita masa itu mempunyai tahap pelajaran yang lebih rendah dari lelaki. Beliau cadangkan agar wanita diberi peluang pelajaran yang lebih tinggi terutamanya dalam bidang pelajaran teknikal.

Mitchell J. pula membincangkan peranan wanita dalam pekerjaan adalah hasil dari wujudnya tekanan sosial. Wanita dianggap sebagai satu golongan yang lemah, senang dieksplotasi dan dimanipulasi dalam penentuan peranan buruh. Dalam masyarakat kapitalis seperti yang dijelaskan oleh Mitchell, menunjukkan lelaki lebih berkuasa dan mereka dapat menetapkan harga yang rendah bagi buruh wanita bergaji.

Bagi Shorter¹⁰ pula, ia menyatakan sebelum zaman kapitalis peranan wanita hanya dalam rumah sahaja. Perbelanjaan rumahtangga adalah disediakan oleh kaum lelaki kerana mereka sahaja yang bekerja di luar rumah. Tapi dengan kedatangan perindustrian, kaum wanita sama dengan kaum lelaki iaitu bekerja di luar rumah dan membawa balik gaji yang diperolehi untuk menyara keluarga. Dalam hal ini, Shorter berpendapat bahawa kaum wanita tidak lagi bergantung kepada kaum lelaki. Menurutnya lagi, sebelum perindustrian status kaum wanita jauh lebih rendah dari kaum lelaki. Dengan adanya perindustrian juga, kaum wanita sudah pandai mengadakan morok dan bebas berjuang untuk menaikkan status dan hak-hak mereka. Perkembangan kapitalisme juga dikatakan menyebab taraf wanita yang berkahwin, di mana suami dan isteri boleh berkongsi dalam rumahtangga kerana mereka sama-sama bekerja.

Dalam perkembangan peranan wanita dan kedudukan wanita dalam pekerjaan dapat dilihat dari dua sudut iaitu peranan dan kedudukan wanita di peringkat tradisi dan kedudukan wanita di peringkat moden atau zaman industri. Dengan membandingkan di antara dua keadaan ini, kita dapat mengesan bagaimana perkembangan yang telah dicapai oleh wanita di bidang pekerjaan khususnya yang melibatkan waktu mereka di luar dan dalam rumah.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa jika dibandingkan peranan wanita di zaman tradisi dengan zaman moden, peranan wanita agak jauh berbeza. Dalam masyarakat tradisi, suami merupakan peranan nafkah yang utama dalam rumahtangga. Umpamanya adalah menjadi tugas

atau suami membekalkan segala keperluan yang berhubung dengan kegunaan dalam rumah tangga. Aktiviti ekonomi masih lagi dipikul oleh lelaki yang berperanan sebagai 'ketua' dalam rumah tangga.

Mengikut pendapat Darling dalam bukunya "The Role of Women In The Economy" yang berbunyi seperti berikut:

"... The husband's primary responsibility is to bring in a money income and the wife's is to manage the children and home."¹¹

Dalam keterangan ini, menegaskan bahawa tempat wanita yang khusus adalah di rumah. Tugas wanita di dalam 'nuklear family' itu adalah sebagai isteri kepada suami dan ibu kepada anak-anak yang dilahirkan. Wanita tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan dalam apa juar aspek sama ada dalam ekonomi, politik dan sosial.

"The division of labour and responsibilities between man and wife was definite. The man was the sole bread winner, the women must look after the house. The women would thus be confined to the kitchen and children."¹²

Pendapat yang dikemukakan oleh Hasyimah Poose ini hanya akan menjadi benar kepada kelas atasan sahaja. Dalam kelas bawahan dilihat kaum lelaki dan wanitanya saling berganding bahu menjalankan tugas sehari-hari. Secara idealnya tentang kedudukan wanita tradisi, ia memperlihatkan unsur-unsur pengasingan peranan kaum wanita dari kaum lelaki. Keadaan ini berpunca dari kehidupan tradisi yang kuat dan kukuh dengan berbangga adat dan agama.

Penglibatan wanita di hari ini tidak lagi terhad kepada tugas 'private' atau di rumah sahaja, malah sudah begitu ramai yang mencebur diri ke dalam pekerjaan di luar rumah (Public Job). Penglibatan wanita ini bukan lagi menjadi suatu perkara yang aneh, tetapi ianya sudah menjadi perkara biasa dalam masyarakat kini. Pembahagian tugas antara lelaki dan wanita khususnya di dalam dan luar rumah tidak terdapat lagi. Rasa kecurigaan ke atas kebebasan dan kesanggupan wanita hari ini telah mula lenyap, dan lahir satu keadaan yang sangat kontra dengan zaman tradisi. Wanita di zaman moden mengakui perubahan telah mengketengahkan mereka setanding dengan kaum lelaki. Hasil dari kemajuan dalam bidang pendidikan, golongan wanita hari ini ramai mempunyai pendidikan yang tinggi. Oleh itu dengan kepandaian yang mereka capai itu, menyebabkan dapat menjawat jawatan yang baik dalam sektor kerajaan mahupun swasta.

Darling memberikan pendapatnya dalam hal ini:

"Educational attainment is directly related to the labour force participation of women."¹³

Dengan semakin ramai wanita mempunyai pendidikan, kadar penglibatan wanita di luar lingkungan rumah tangga semakin meningkat. Peranan yang dimainkan oleh wanita sebenarnya bukanlah terhad kepada faktor ekonomi semata, tapi juga untuk memperolehi "kepuasan" bekerja bagi diri mereka. Pendapatan yang diperolehi hasil dari pekerjaan yang dilakukan itu, digunakan untuk membeli segala bentuk perhiasan diri yang diperlukan oleh seorang wanita. Pekerjaan

yang dilakukan itu juga merupakan satu bentuk jaminan hidup di masa hadapan, sekiranya berlaku sesuatu kemungkinan ke atas dirinya seperti perceraian ataupun kematian suami. Maka pendapatan hasil dari kerja yang dilakukan itu dapat digunakan untuk meneruskan hidup tanpa mengharapkan bantuan dari pihak lain.

Edmund Dahlstorm¹⁴ pula telah membincangkan tentang penduaan tugas 'dual roles' antara tugas dan rumahtangga. Penulisan Dahlstorm adalah mengenai isteri-isteri yang bekerja sebagaimana yang terdapat dalam masyarakat bandar. Dalam penulisannya, beliau menggariskan bagaimana perindustrian telah mengubah corak ekonomi, politik dan sosial masyarakat itu. Keadaan ini telah mengubah kepada nilai dan sikap masyarakat. Perubahan ini telah membuka peluang kepada wanita untuk keluar dari kongkongan rumahtangga dan menerima pelajaran serta berjuang untuk mencapai kedudukan yang lebih tinggi. Keadaan ini pula telah menghasilkan satu golongan keluarga baru yang mempunyai kedua belah pihak, suami dan isteri bekerja untuk mencari pendapatan yang lebih bersesuaian dengan corak hidup semasa. Keadaan ini telah mengubah corak keluarga dari bentuk 'extended' yang selalu terdapat dalam masyarakat tradisi kepada keluarga yang lebih kecil.

Wanita di hari ini merupakan satu 'tenaga' yang amat penting dalam kehidupan masyarakat. Keadaan ini jauh berbeza dari masa dulu, di mana peranan mereka tidak diberi penilaian yang sewajarnya. Proses pemodenan yang berlaku telah mengubah konsep wanita dari penjaga rumahtangga kepada tenaga yang diperlu

dan digunakan untuk kemajuan sesebuah industri dan seterusnya negara. Dari hakikat ini, wujud pandangan baru, wanita hari ini adalah diperlukan untuk sama bergerak dengan kaum lelaki dalam apa juar bidang sekalipun. Perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat seperti perubahan dalam bidang politik, ekonomi, pelajaran, sosial telah menyedarkan kaum wanita tentang hak mereka khususnya dalam bidang pekerjaan luar dari rumah tangga.

Galakan kerajaan dalam meningkatkan jumlah tenaga kerja dalam pelbagai bidang pekerjaan akhir-akhir ini terutama di sektor pembuatan dan perkilangan telah menambahkan lagi minat dan menarik lebih ramai wanita untuk melibatkan diri dalam bidang kerja di luar rumah.

Sebenarnya penyertaan wanita di bidang pekerjaan bukanlah suatu perkara baru. Sejak zaman dulu lagi kaum wanita telah melakukan kerja-kerja di luar rumah tangga, terutamanya dalam kegiatan ladang yang memerlukan tenaga buruh yang banyak untuk mengerjakannya. Keadaan dulu adalah tidak sama dengan keadaan di masa kini. Wanita tidak mempunyai jadual tugas dan peraturan yang tetap dalam melakukan tugas tersebut. Contohnya mereka tidak dipaksa untuk masuk kerja dari jam 8.00 pagi dan balik jam 4.15 petang.

2.3 Penulisan Tempatan

Kajian-kajian yang dilakukan oleh sarjana dan penulis tempatan mengenai peranan wanita dalam pekerjaan adalah amat sedikit sekali jumlahnya. Kebanyakan kajian yang dilakukan itu merupakan

tesis-tesis Ph.D., M.A., B.A., majalah dan juga didapati sedikit rujukan lain.

Di antara kajian yang paling ketara dibuat mengenai peranan wanita dalam pekerjaan ialah kajian oleh Profesor Madya Dr. Fatimah Daud, pensyarah dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.¹⁵ Beliau telah menjalankan kajian tentang masalah sosio-ekonomi pekerja wanita di kilang-kilang elektronik. Dalam tesisnya beliau menjelaskan bagaimana proses perindustrian yang berlaku di bandar telah menarik perhatian golongan wanita terutamanya gadis belasan tahun untuk berhijrah ke bandar mencari pekerjaan. Juga dibincangkan bagaimana proses pengasingan atau alienasi dan eksplorasi yang begitu ketara dilakukan ke atas wanita terutamanya dari segi gaji yang tidak setimpal dengan kerja yang dilakukan. Kemudahan-kemudahan yang sepatutnya disediakan seperti pampasan jika berlaku kemalangan, bonus jika diberhentikan tidak disediakan.

Penulisan lain berkenaan dengan penglibatan wanita dalam pekerjaan adalah seperti yang dilakukan oleh Risnah Mohd. Yatim, latihan ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya yang telah menjelaskan tentang penglibatan wanita dalam perindustrian di kilang pembuatan di Kelantan. Kajian kes yang dilakukan ke atas kilang berlian di Lundang, Kota Bharu.

Mengenai industri tembakau pula, hanya peranan pengawet atau pengusaha stesen sahaja yang dibuat. Ianya merupakan latihan ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi yang dilakukan oleh

Che Ghani Che Mohamed. Kajiannya bertajuk "Penglibatan Bumiputera Dalam Perusahaan Pengawetan Tembakau di Kelantan". Isi kajiannya merangkumi bagaimana Bumiputera melibatkan diri dalam industri ini, pencapaian dan masalah.

Kajian mengenai penyertaan wanita dalam industri tembakau seperti yang dijalankan penulis tidak pernah dilakukan oleh mana-mana penulis sebelum ini. Kajian yang dilakukan ini diharapkan dapat diteliti keputusannya agar suatu penyelesaian yang lebih konkret tentang pengeksploitasi tenaga buruh wanita dapat dilakukan. Jangan hanya semata-mata inginkan industri tembakau maju, bantuan diberi dengan pelbagai aspek tapi mengenepikan masalah buruh wanita yang menggerakkan industri tersebut.

Notakaki

1. Banton Michael, Roles: An Introduction to the Study of Social Relations, Tavistock Publications, London, 1965, hal. 28.
2. Gross, N., Role, University Press, Cambridge 1972.
3. Ibid., hal. 110.
4. Linton, Ralph, The Study of Men, Appleton Century-Crafts, New York, 1936, hal. 6.
5. Ernestine Friedl, Women and Men: An Anthropologist View, New York, 1975.
6. Azizah Kassim, Majalah Wanita, Utusan Melayu Bhd., 1978, hal. 36.
7. Raymond Firth, Malay Fishermen: Their Peasant Economy, Anchor Books, Hamden Cann, London, 1966, hal. 3.
8. Shreiner, O., Women and Labour, Allen and Unwin, 1911, dlm. Dr. Fatimah Daud, "Proceedings of the Ninth International Symposium on Asian Studies," 1987, hal. 212.
9. Ibid., hal. 213.
10. Ibid., hal. 213.
11. Darling Martha, The Role of Women in the Economy Organisations for Economic, Co-operation and Development, Paris, 1975, hal. 12.
12. Hasyirah Roose, "Charges in the Position of Malay Women", Barbara Edward, Women in the New Asia, UNESCO, 1965.
13. Darling Martha, op. cit., hal. 76.
14. Edmund Dahlstrom, The Changing Roles of Man and Women, Gerald Duckworth Co. Ltd., 3 Harvistock, London.
15. Dr. Fatimah Daud, Socio-Economic Problems of Women Works: A Case Study of Electronics Workers in a Multination Japanese Firm, Ph.D. Thesis, Department of Anthropology and Sociology, University of Malaya, 1983.

BAB III

PROFIL PERUSAHAAN TEMBAKAU DI MALAYSIA

Bahagian ini akan menghuraikan tentang sejarah perusahaan tembakau di Malaysia bermula dengan pengenalannya oleh Malayan Tobacco Company pada akhir tahun 1950an. Perusahaan ini telah berkembang dengan pesat hingga kini dan telah berjaya meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk yang terlibat dengannya. Peluang pekerjaan juga banyak diwujudkan dengan terdirinya stesen-stesen pengawetan daun tembakau, secara langsung telah membantu mengurangkan masalah pengangguran di luar bandar.

3.1 Latarbelakang Sejarah

Sejarah perkembangan perusahaan tembakau di Malaysia dapat dibahagikan kepada dua peringkat persejarahannya, iaitu sebelum penubuhan Lembaga Tembakau Negara (LTN) dan selepas penubuhannya pada 8hb. Oktober 1973. Pada peringkat awalnya, tembakau hanya ditanam sebagai tanaman untuk kegunaan sendiri.¹ Dengan kedatangan British mengambil alih Negeri Selat dalam tahun 1830an, pihak kolonial telah mengarahkan tembakau ditanam secara komersial. Banyak perubahan dibuat ke atas penanaman tembakau agar hasilnya bertambah. Hal ini dapat diperhatikan dengan berbagai 'experiment' yang dilakukan dan tembakau jenis 'virginia' diperkenalkan di Tanah Melayu. Hal ini telah ditegaskan lagi oleh Jabatan Pertanian Negeri Melayu Bersekutu tahun 1918.² Pada tahun 1932, terdapat 1,429 ekar tanah telah ditanam dengan tembakau

dan dalam tahun 1936, keluasan bertambah 2,165 ekar.³

Selepas tahun 1957, perusahaan penanaman tembakau telah dapat dipertingkatkan lagi dengan memperkenalkan tanaman ini ke kawasan baru. Percubaan telah dilakukan oleh MTC (Malayan Tobacco Company) yang menguasai segala perjalanan perindustrian tembakau di Malaysia Lembaga Tembakau Negara mengambil alih tugas pada tahun 1973 telah membuat percubaan di Padang Halban dan Padang Raja di Kota Bharu. Tembakau yang diperkenalkan ialah dari jenis tembakau Virginia Awetan Panas pada tahun 1959. Selepas berjayanya percubaan ini, seluas 20 ekar tanah dipilih untuk ditanam dengan jenis tembakau virginia. Selepas itu perkembangan pesat telah berlaku di mana pada tahun 1972, seluas 17,000 ekar kawasan tanah telah ditanami dengan tembakau dan melibatkan lebih kurang 50,000 petani.⁴ Di antara tahun 1959 - 1972, pengeluaran telah meningkat daripada 3,762 paun kepada 11,900 paun telah berjaya dipasarkan.

Pada peringkat awal pengeluarannya, MTC memonopoli segala aspek berkaitan dengan perusahaan tembakau. Mereka mengawasi penanaman pengawetan dan pasaran harga daun hijau. Mereka menyediakan rumah awet atau 'barns' yang dikhaskan untuk mengawet tembakau di luar bandar dan menunjukajar petani-petani. Rancangan ini dikenali sebagai 'independent growers' atau 'Farmer-Cover'. Matlamat asas daripada rancangan ini ialah untuk mengajar Bumiputera dalam mengawet daun-daun tembakau.

Selepas tahun 1967, MTC telah kehilangan kuasa monopolinya, kuasa tertubuh sebuah syarikat lain iaitu 'Leaf Tobacco Development Corporation' (LTDC) yang bertindak sebagai pembeli daun tembakau yang sudah diawetkan dan juga sebagai pengilang rokok. Pengawetan persendirian yang dihasilkan melalui latihan MTC telah menubuhkan stesen awetan untuk mengawet dan memproses tembakau dan kilangnya pada tahun 1970, berjumlah 41 stesen pengawet dengan jumlah sebanyak 448 barns. Daun kering yang dihasilkan dijual kepada dua syarikat rokok ini iaitu MTC dan LTDC.

Dalam tahap kedua selepas tahun 1972, terdapat banyak perkembangan yang telah wujud selaras dengan perkembangan perusahaan tembakau. Kesedaran politik memainkan peranan dalam mempengaruhi polisi-polisi tertentu dalam melaksanakan dan merancangkan tahap-tahap perkembangan perusahaan ini. Oleh kerana keseluruhan aktiviti perusahaan tembakau telah menjadi isu negara dan mencadangkan betapa pentingnya industri ini untuk mencapai matlamat Dasar Pertanian Negara di bawah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, maka satu pasukan petugas dibentuk pada 5hb. Julai 1972 untuk mengkaji keseluruhan masalah yang dihadapi oleh perusahaan ini.

Antara ciri penting perusahaan ini dalam mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pertanian Negara adalah:

1. Ianya memberi hasil pendapatan yang tinggi serta memberi sumbangan meninggikan sosio-ekonomi penduduk desa.

2. Memberi peluang pekerjaan tentera kepada belia dan beliananis di stesen-stesen awetan.
3. Satu-satunya jenis tanaman yang boleh membangunkan tanah bris tanpa saingan dengan tanaman lain.
4. Dapat mengubah corak hidup kaum nelayan dan lain-lain sektor kepada bidang pertanian secara in-situ.
5. Dapat menggalakkan perkembangan perusahaan lain seperti pembekal baja, bahan kimia, pertanian, bahan-bahan plastik dan juga pengangkutan.⁵

Pada akhir 1972, laporan dan cadangan dari pasukan petugas diserahkan kepada kerajaan. Akibat daripada itu Lembaga Tembakau Negara telah ditubuhkan pada 8hb. Oktober 1973 berpusat di Kota Bharu, Kelantan. Penubuhan lembaga ini mempunyai empat objektif utama:-

- (a) Mengadakan peraturan mengenai mengawal dan menyealaraskan segala pengedaran, pemindahan, penanaman, pembelian, penyimpanan dan penanam tembakau.
- (b) Menimbang dan menggalakkan dan mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki aktiviti tersebut.
- (c) Menimbang, menggalakkan dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah berlaku dan merebaknya penyakit-penyakit yang menjangkiti tembakau dan menyelidiki langkah-langkah yang sesuai untuk menghindarinya.

(d) Pada amnya, melakukan apa-apa jua perkara untuk memperbaiki dan menjalankan dengan sepatutnya Industri Pengeluaran Tembakau Malaysia.⁶

Penubuhan Lembaga Tembakau Negara sebagai badan pengawas kepada perusahaan tembakau tidak terhad kepada penanam sahaja, bahkan juga meliputi soal pengawet-pengawet dalam usaha memasarkan daun awetan mereka. Untuk itu, Lembaga Tembakau Negara telah menubuhkan satu bahagian khas iaitu Bahagian Pemasaran Tembakau. (Rujuk Lampiran 1). Di samping itu Lembaga Tembakau Negara juga mengadakan khidmat nasihat dan kursus sama ada di peringkat daerah, negeri ataupun pusat kepada pengawet dan peranan yang bertujuan untuk memimpin dan membimbing mereka menggerakkan industri ini.

Di sekitar tahun 1980an, ini telah berkembang dengan kawasan baru yang telah diterokai seperti di Melaka, Trengganu dan sedikit di Pahang. Pembukaan kawasan baru ini telah mengakibatkan jumlah keluasan tanah yang ditanami tembakau telah meningkat dari 13,238 hektar kepada 14,180 hektar pada tahun 1987.⁷

Pihak Lembaga Tembakau Negara juga telah mengenakan kawalan yang begitu ketat ke atas perusahaan di akhir-akhir ini dengan wujud satu gejala baru iaitu penyeludupan tembakau dari Thailand. Tidak banyak berlaku perubahan lain sekitar tahun 1980an disebabkan kebanyakan perkembangan adalah ekoran daripada perkembangan terdahulu.

Walaupun Lembaga Tembakau Negara sebagai sebuah badan pengawas kepada perusahaan tembakau, ia tidaklah seratus peratus mengawal segala aktiviti yang bersangkutan dengan perusahaan ini. Masalah penyeludupan daun tembakau dari Thailand, kerjasama dari pihak polis dan kastam dan bantuan Lembaga Tembakau Negara, berjaya membantu mengurangkan kegiatan ini. Masalah pekerja wanita yang terlibat dalam industri pemerosesan tembakau tidak termasuk di bawah pengawasan Lembaga Tembakau Negara sepenuhnya. Lembaga Tembakau Negara hanya bertindak untuk memberi latihan dan kursus berkenaan pemerosesan tembakau sahaja. Masalah kebijakan pekerja seperti gaji, kadar tempat kerja dan lain-lain yang bersangkutan adalah terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Buruh, Kementerian Buruh.

3.2 Perkembangan Pengilangan Rokok

Terdapat tujuh buah pengilang rokok yang berdaftar di Malaysia. Antara kilang tersebut ialah:

1. Malayan Tobacco Company (MTC)
2. Leaf Tobacco Development Corporation (LTDC)
3. R.J. Reynolds Tobacco Company (RJR)
4. Joo Lan Cobacco Company
5. Tai Chong Tobacco Company
6. Modern Tobacco Company
7. Lean Huat Tobacco Company

Di sini dapatlah diperhatikan bahawa ketujuh-tujuh pengilang inilah yang bertanggungjawab ke atas pengawet-pengawet tembakau walaupun

ketetapan hanya biasanya di bawah pengelolaan Lembaga Tembakau Negara, tetapi kebiasaannya secara 'sewenang' pengilang-pengilang ini menentukan harga. Untuk menjadikan sebatang rokok, pihak pengilang menggunakan 60% daripada tembakau tempatan dan 40% lagi tembakau yang diimport.⁸

Secara keseluruhannya dapat dijelaskan bahawa MTC, LTDC dan RJR adalah merupakan tiga organisasi yang besar dalam menggerakkan perjalanan perusahaan tembakau di Malaysia. Keadaan ini memang tidak dapat dinafikan lagi kerana kedua-dua organisasi tersebut sudah lama 'establish' di tanah air kita. Keadaan tersebut dapat dibuktikan malahan jadual berikut yang mana menunjukkan peratus pembelian bagi pengilang rokok tahun 1984 - 1988.

Jadual 3.1: Pembelian Daun Tembakau Kering
Oleh Pengilang-Pengilang Rokok
1984 - 1988

Nama Pengilang	Peratus Pembelian				
	1984	1985	1986	1987	1988
1. Malayan Tobacco Co.(MTC)	57.4	55.5	58.7	44.1	30.6
2. LTDC	30.2	35.7	39.2	44.7	45.5
3. R.J. Reynolds	8.9	4.3	6.8	9.7	23.9
4. Tai Chong Tobacco Co.	2.0	1.4	1.4	0.7	-
5. Joo Lan Tobacco Co.	1.2	1.5	1.4	0.8	-
6. Chop Lean Huat Tobacco Co.	0.3	1.4	2.5	-	-
7. Ristis Madu Sdn. Bhd.	-	0.2	-	-	-
JUMLAH	100	100	100	100	100

Sumber: Perangkaan Tembakau 1988 Lembaga Tembakau Negara,
Kota Bharu, m.s. 21.

Pada kebiasaanannya kebanyakan dari pengilang rokok mempunyai hubungan antara pegawai dengan pihak penanam dan pengawet. Sebagai contohnya, MTC telah membuat projek-projek desa di Kedah untuk mendapatkan daun-daun tempatan yang lebih bermutu. Keadaan ini berlaku keraja sejak kebelakangan ini, mutu daun tempatan hampir merosot yang mungkin disebabkan oleh teknologi yang rendah yang dihasilkan.

3.3 Perkembangan Pengawet-Pengawet Persendirian Di Malaysia

Latihan pengawetan yang diadakan oleh MTC yang bertujuan memberi pemahaman tentang bidang pengawetan tembakau kepada anak-anak tempatan telah melahirkan pengawet-pengawet persendirian. Pertambahan pengawet-pengawet ini begitu meningkat dari setahun ke setahun. Ini dapat dibuktikan iaitu pada tahun 1969, hanya terdapat 118 rumah awet dengan 5 stesen pengawetan. Dalam tahun 1980, terdapat 302 stesen pengawetan dengan jumlah 'barns' atau rumah awet sebanyak 4,412 pada tahun 1988 bertambah kepada 354 stesen pengawetan dengan jumlah 'barns' sebanyak 6,287 buah.⁹

Perkembangan ini telah meninggalkan kesan yang begitu besar kepada gunatenaga di Malaysia. Pada tahun 1985, terdapat 29,442 orang yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam perusahaan ini. Jumlah ini telah meningkat kepada 30,446 orang pada tahun 1988.¹⁰ Gunatenaga ini dapat dibahagikan kepada beberapa kategori seperti pengurusan, penyediaan teknik, pengkeranian dan pekerja am. Pengkhususan dalam bidang ini tidak dimonopolikan oleh

satu-satu kaum tertentu tetapi disertai oleh berbagai kaum.

Jelaslah di sini bahawa usaha MTC bersama dengan inisiatif LTDC dan LTN dapat melahirkan satu golongan baru dalam masyarakat Malaysia iaitu golongan pengawet.

3.4 Perkembangan Perusahaan Tembakau Di Kelantan

Negeri Kelantan merupakan salah sebuah negeri yang terletak di Pantai Timur yang agak mundur jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Ini mungkin disebabkan oleh tampuk pemerintahan Kelantan di waktu itu tidak sealiran dengan tampuk pemerintahan di pusat. Jadi banyak peruntukan projek pembangunan tidak dapat disalurkan ke negeri Kelantan.

Keadaan ini berubah pada tahun 1978 apabila tampuk pemerintahan Kelantan telah sealiran dengan pemerintahan pusat. Banyak projek telah disalurkan ke negeri ini.

Kelantan adalah merupakan negeri yang subur dan sesuai untuk penanaman padi, tembakau dan tanaman lain. Tembakau merupakan tanaman tradisi di Kelantan. Ianya tidak dijadikan tanaman bercorak komersial oleh MTC dalam tahun 1950an dengan harapan menjadi tanaman utama di Kelantan. Usaha ini telah berjaya dan sebagai ekorannya, lahirlah pengawet-pengawet persendirian merupakan yang terulung di Malaysia.

Memandangkan keadaan tanah yang begitu sesuai untuk ditanam dengan tembakau, Pusat Latihan Tembakau dibina di Pasir Puteh, Kelantan di mana hasil kajian dari pusat ini telah di-

aplikasikan untuk meningkatkan industri ini di Kelantan khususnya dan di Malaysia amnya.

Selepas MTC menghentikan perusahaan pengawetan selepas tahun 1971, pihak Lembaga Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan telah mengambil kesemua 'barns' dan rumah awet kepunyaan MTC untuk diuruskan. Badan penyelaras perusahaan ini dikenali sebagai Perbadanan Perusahaan Pertanian (PPP) telah menjalankan kegiatan pengawetan ke atas daun tembakau untuk beberapa tahun. Tetapi disebabkan minat rakyat Kelantan untuk menujuhkan syarikat pengawetan secara persendirian dan perkongsian, maka 'barns' yang diuruskan oleh kerajaan itu sebahagian besarnya diserahkan untuk dijual kepada mereka. Pihak perbadanan kini hanya mengendalikan beberapa stesen pengawetan sahaja yang terletak di seluruh negara.

Hasil dari industri tembakau ini secara tidak langsung dapat membangunkan negeri. Perusahaan ini dapat mengatasi pengangguran bermusim di kalangan masyarakat Kelantan. Ini dapat dibuktikan iaitu sebelum kerajaan mengenalkan perusahaan ini secara intensif, bilangan rakyat Kelantan yang berhijrah ke negeri lain terutamanya ke Singapura mencari pekerjaan begitu ramai berbanding dengan tahun-tahun kebelakangan ini.

Kerajaan Negeri dengan persetujuan pihak Lembaga Letrik Negara (LLN) dan Jabatan Kerja Raya (JKR), telah membina jalan-jalan yang baik ke setiap stesen pengawetan serta kemudahan letrik bagi melicinkan segala pergerakan perusahaan. Pada tahun 1978 perusahaan pengawetan yang ada pada hari ini, menyerah kepada pembaharuan-

pembaharuan dalam struktur organisasi masing-masing.

Untuk kemudahan pengurusan, pihak LTN bersama dengan Kerajaan Negeri telah menyedia pejabat-pejabat cawangan LTN di setiap daerah. Dengan adanya pejabat kecil ini, hubungan antara pengawet dan pegawai LTN berjalan dengan baik untuk mengatasi masalah yang mungkin timbul.

3.5 Jumlah Stesen dan Bilangan Pekerja

Jumlah pengawet yang terdapat di daerah tempat kajian adalah 44 pengawet dan bilangan rumah awet atau 'barns' 1,170 buah. Jumlah penduduk yang terlibat dengan perusahaan tembakau di daerah ini berjumlah 5,083 orang.¹¹

Dengan jumlah stesen pengawetan yang agak besar yang terdapat di Bachok, maka sudah tentu ia memerlukan bilangan pekerja yang agak ramai untuk menggerakkan industri pemerosesan daun tembakau. Bilangan pekerja stesen ini dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu pekerja tetap dan pekerja sementara. Jumlah pekerja tetap dapat dilihat melalui Jadual 3.2.

Jadual 3.2: Senarai Bilangan dan Jenis Pekerja
(Tetap) Di Stesen Pengawetan

Jawatan	Jumlah
Pengurus	44
Penyelia Stesen	44
Penyelia Padang	100
Pegawai Padang	109
Kerani	52
Lain-lain	18
JUMLAH	367

Sumber: Laporan Tahunan LTN, Bachok, 1985.


Jadual 3.3: Bilangan dan Jenis Pekerja (Sementara)
Di Stesen Pengawetan

Jenis Pekerjaan	Jumlah
Buruh Am	218
Mengikat/Merombak/Memilih	3,757
Pegawai Padang/Kerani	84
Penjaga Api	731
Checker	124
Lain-lain	81

Sumber: Laporan Tahunan LTN Bachok, 1985

Daripada Jadual 3.3, jelas bahawa bidang kerja yang menjadi fokus kajian dalam latihan ilmiah ini ialah kerja yang dilakukan oleh buruh wanita. Di sini buruh wanita dikategorikan sebagai pekerja sementara/bermusim. Walaupun ada yang bekerja tetap, bidang pekerjaan yang disandang hanyalah di bahagian pentadbiran sebagai kerani dan jumlahnya adalah amat sedikit sekali. Bidang kerja 'sementara' adalah sebagai checker atau penyelia daun hijau dan daun kering dan kerja mengilas, merombak serta menggred.


Rajah 1 : Organisasi Pengurusan Stesen Pengawetan Tembakau



Sumber: Bahagian Latihan, Ibu Pejabat LTN, Kota Bharu

PETA 2

Taburan Stesen Pengawitan Tembakau Di Negeri Kelantan




Petunjuk

- Sempadan
- ↔↔↔ Jalan Keretapi
- Stesen Pengawitan

PETA 3

Taburan Kawasan Penanaman Tembakau Di Malaysia.



Notakaki

1. Tembakau untuk kegunaan sendiri dimaksudkan kepada sejenis tembakau yang ditanam, dihisap dengan menggunakan daun nipah dan amat popular di kalangan masyarakat Melayu luar bandar.
2. Che Ghani Che Mohamed, Penglibatan Bumiputera dalam Bidang Pengawetan Tembakau di Pasir Puteh, Kelantan. Tesis Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1980, hal. 35.
3. Ibid., hal. 35.
4. Omar Hj. Ahmad, Perusahaan Tembakau di Kelantan, in Seminar Budaya dan Sejarah Kelantan, 1980, hal. 1.
5. Lembaga Tembakau Negara, Peranan dan Perkhidmatan, Jurnal Kementerian Perusahaan Utama, 1986, m.s. 1.
6. Ibid., LTN, m.s. 4.
7. Lembaga Tembakau Negara, Perusahaan Tembakau 1988, Kementerian Perusahaan Utama, hal. 5.
8. Bahagian Perkhidmatan Pemasaran, LTN, Kota Bharu, Kelantan, 1988.
9. Op. cit., Perangkaan Tembakau, 1988, hal. 25.
10. Op. cit., LTN, m.s. 30.
12. Lembaga Tembakau Negara Bachok/Kota Bharu, Laporan Tahunan 1988, Kementerian Perusahaan Utama, hal. 19.

BAB IV

LATARBELAKANG, KEADAAN SOSIAL DAN EKONOMI RESPONDEN

Di dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan latarbelakang responden. Ianya akan dikaji dan dikaitkan dengan faktor ekonomi iaitu jumlah pendapatan yang diperolehi dari pekerjaan yang dilakukan. Pola perbelanjaan juga akan ditinjau. Keadaan sosial pula akan dilihat dari beberapa dimensi seperti persepsi responden terhadap pekerjaan, pendapatan dan juga faktor yang menyebabkan mereka bekerja.

4.1 Latarbelakang Responden

Dalam bahagian ini akan ditinjau latarbelakang responden yang dipilih untuk dijadikan bahan kajian. Kesemua responden yang terlibat dengan aktiviti pemerosesan dan pentadbiran stesen pengawetan ini terdiri dari bangsa Melayu.

(a) Peringkat Umur

Dari Jadual 4.1, tahap umur responden yang bekerja memproses daun tembakau di stesen pengawetan adalah di peringkat muda lagi. Paling muda ialah 18 tahun dan 57 tahun adalah yang tertua. Jangka masa umur 18 - 42 tahun merupakan jangka masa daya pengeluaran wanita yang paling produktiviti, kerana itu didapati dari data jumlah yang paling ramai wanita bekerja adalah di tahap ini. Sejumlah 88.2% tenaga kerja terlibat merupakan 'tenaga muda' yang mampu melakukan pelbagai peranan sama ada di sekitar rumah tangga ataupun pekerjaan.

Jadual 4.1: Pembahagian Umur Responden

Umur (Tahun)	Bilangan Responden		Jumlah	%
	Bujang	Kahwin		
18 - 22	26	1	27	45
23 - 27	2	3	5	8.3
28 - 32	2	7	9	18
33 - 37	-	8	8	13.3
38 - 42	-	4	4	6.6
43 - 47	-	2	2	3.3
48 - 52	-	2	2	3.3
53 - 57	-	3	3	5
JUMLAH	30	30	30	100

Sumber: Soalselidik

(b) Tingkat Pelajaran Responden

Jadual 4.2: Tingkat Pelajaran Responden

Taraf Pelajaran	Bilangan Responden	%
Tidak Bersekolah	9	15
Peringkat Rendah	14	23.3
Peringkat Menengah	16	26.6
Peringkat Menengah Atas	21	35.1
JUMLAH	60	100

Sumber: Soalselidik

Berhubung dengan tingkat pelajaran responden seperti dalam Jadual 4.2, 85% responden yang terlibat di stesen pengawetan mempunyai pendidikan sampai ke tahap menengah atas. Pekerjaan yang dilakukan tidak bersesuaian dengan taraf pendidikan yang dimiliki. Pekerjaan dilakukan di stesen pengawetan ini sebenarnya tidak memerlukan taraf pendidikan yang tinggi. Hanya dengan sedikit kendian hasil dari pengakuan bekerja dapat menjadikan individu itu pekerja yang baik. Ini kerana pekerjaan itu ber-gantung sepenuhnya di atas kerajinan dan usaha, bukannya taraf pendidikan. Penglibatan wanita yang berpendidikan ke sektor pemerosesan daun tembakau di stesen pengawetan adalah kerana kekurangan peluang pekerjaan di sektor lain untuk dilakukan di kawasan ini. Berkebetulan musim penanaman dan pemerosesan tembakau sewaktu sebahagian responden (35%) yang terlibat sedang menunggu keputusan peperiksaan. Dan untuk memenuhi masa yang terluang, mereka bekerja di stesen pengawetan yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka. Hanya 15% responden tidak mempunyai pendidikan langsung dan mereka ini terdiri dari golongan tua.

4.2 Jenis Industri Yang Dikaji

Industri yang menjadi kajian ialah industri memproses daun tembakau di stesen-stesen pengawetan. Kajian yang dilakukan melibatkan golongan wanita yang bertindak selaku tenaga kerja yang penting dalam mengelolakan perusahaan ini.

Stesen pengawetan yang dikaji dimiliki oleh pemilikan persendirian, perkongsian dan kerajaan. Dari 44 stesen pengawetan yang terdapat di daerah Bachok, tempat kerja hanya 4 stesen pengawetan dimiliki kerajaan. Sebahagian besar pengusahanya adalah Bumiputera dan selebihnya dari bangsa Cina. Kawasan yang menjadi tempat kajian merupakan kawasan penanaman tembakau terbesar di Malaysia.

Stesen pengawetan tembakau ini hanya beroperasi dalam jangka masa 4 - 6 bulan dalam setahun. Ini bermula awal Disember dan berakhir penghujung April setiap tahun.

4.3 Faktor Yang Menyebabkan Wanita/Responden Bekerja

Pekerja wanita yang melibatkan diri dalam pekerjaan di stesen pengawetan terdiri dari gadis lepasan sekolah dan surirumah.

Kira-kira 27% (rujuk Jadual 4.2), wanita yang bekerja di stesen pengawetan adalah gadis lepasan sekolah yang tidak dapat menyambung kembali pelajaran mereka. Pekerjaan di sektor ini merupakan 'peluang kerja' yang paling senang untuk mendapat pendapatan bagi meringankan beban orang tua. 35% dari wanita yang terlibat (rujuk Jadual 4.2) bekerja untuk menghilangkan rasa bosan, sewaktu menunggu keputusan peperiksaan. Ibuapa menggalakkan anak-anak mereka bekerja mencari pengalaman dan bergaul dengan rakan yang lebih dewasa, di samping memperolehi sedikit pendapatan. Mereka akan meninggalkan kerja ini setelah berjaya menyambung

kembali pelajaran atau memperolehi kerja yang lebih baik dan juga telah berkahwin atau atau berpindah dari tempat itu. Bagi golongan ini pendapatan bukanlah menjadi faktor yang penting penglibatan mereka bekerja di stesen pengawetan ini.

Bagi yang telah berkeluarga, faktor ekonomi memerlukan peranan penting mengapa mereka bekerja di stesen pengawetan tembakau. Hasil dari kerja yang dilakukan itu dapat membantu meringankan beban suami dalam menyarai keluarga. Pendapatan yang disumbangkan itu, sedikit sebanyak dapat membaiki taraf hidup mereka. Dari pemerhatian yang dilakukan ke atas keluarga responden, memang benar pendapatan yang diperolehi dari kerja di stesen pengawetan tembakau ini dapat mengubah keadaan keluarga mereka. Mereka mampu membeli perabot rumah yang baru dan juga pelbagai alatan rumah yang lain.

Selain dari faktor ekonomi di atas, kedudukan stesen yang berada di hampir setiap mukim di daerah tempat kajian (Bachok), membolehkan responden memilih mana-mana stesen yang berdekatan untuk bekerja.

4.4 Jenis Pekerjaan Yang Dilakukan oleh Pekerja Wanita

Bahagian ini akan melihat jenis kerja yang dilakukan oleh buruh wanita dalam perusahaan tembakau di stesen pengawetan yang menjadi tajuk kajian.

Jumlah pekerja yang terbabit dengan kegiatan memproses daun tembakau di stesen pengawetan adalah besar bilangannya. Dari perangkaan yang dijalankan oleh LTN dalam tahun 1988,¹

terdapat 19,729 pekerja di seluruh stesen pengawetan negeri Kelantan. Dari jumlah itu, 5,778 pekerja berada di stesen pengawetan daerah Bachok, dan 3,881 pekerja atau 67.2% adalah wanita. Ini menunjukkan peranan wanita terhadap industri ini begitu besar.

Bidang kerja yang dilakukan oleh pekerja wanita di stesen pengawetan adalah meliputi bidang pentadbiran, pengurusan dan juga pemerosesan. Di bahagian pentadbiran sebagai kerani dan pembantu pejabat, manakala di bahagian pemerosesan sebagai pengikat daun hijau, merombak daun dan juga sebagai 'checker'/penyelia.

Oleh kerana bilangan pekerja wanita adalah ramai, pengkaji hanya mengambil sampel seramai 60 orang responden wanita dibahagikan samarata antara pemilikan swasta dan kerajaan.

Jadual 4.3: Jenis Kerja Di Stesen Pengawetan Yang Dilakukan Oleh Pekerja Wanita

Jenis Kerja	Swasta	Kerajaan	Jumlah	%
Pentadbiran/Pengurusan	2	3	5	8.3
'Checker'/Penyelia	2	3	5	8.3
Pengikat Daun Hijau/ Merombak Daun Kering Dari Slings/ Menggred Daun Kering	26	24	50	83.4
JUMLAH	30	30	60	100

Sumber: Soalselidik

Dari Jadual 4.3, di stesen pengawetan swasta mempunyai dua pekerja dan kerajaan tiga pekerja yang ditugaskan di bahagian pentadbiran/pengurusan yang menjalankan tugas berkenaan gaji kakitangan, pembelian daun hijau dari penanam, menjaga rekod akaun pelanggan dan penanam syarikat dan hal-hal berkaitan. Mereka ini mempunyai kelulusan SPM yang berkelulusan dalam matematik juga berkebolehan menaip dan penyediaan akaun.

Di stesen swasta, majikan merupakan pengurus syarikat manakala milik kerajaan yang merupakan Syarikat Perbadanan Kerajaan Negeri, pengurusnya adalah dilantik dari lulusan Universiti.

Pekerja yang bertugas di bahagian pengurusan ini memikul tanggungjawab yang besar terhadap pembahagian syarikat. Mereka berhadapan dengan orang ramai dan bertindak sebagai peghubung antara pelanggan syarikat dengan majikan.

Di bahagian pemerosesan pula, kesemua pekerja adalah wanita. 'Checker' atau pemeriksa daun kering merupakan penyelia kepada pengikat daun hijau, perombak daun kering dan juga pengred. Jawatan 'checker' biasanya diberikan kepada pekerja yang paling kanan dan sudah lama bekerja serta mempunyai hubungan yang baik dengan majikan. Sebelum menjadi penyelia, beliau akan dihantar mengikut kursus bersama kakitangan syarikat yang lain termasuk pengurus, yang dianjurkan oleh Lembaga Tembakau Negara dari pengilang rokok bagi menentukan 'kualiti penggredan' para pekerja di setiap stesen pengawetan. Mereka yang telah mengikuti kursus

ini akan menunjukajar pekerja lain bila daun tembakau mula diproses. Setiap 'checker' biasanya mengawasi antara 10 - 12 pekerja. Ini memudahkan pengawasan sewaktu kerja menggred dilakukan. (Rujuk Gambar A).



Gambar A: 'Checker' atau pemeriksa daun kering sedang memeriksa daun kering yang telah diawet oleh penggred, menentukan kesesuaian spesifikasinya

Di kedua-dua pemilikan stesen swasta mahupun kerajaan bidang tugas 'checker' adalah sama. Cuma jumlah 'checker' lebih ramai di stesen kerajaan. Ini merupakan cara meningkatkan produktiviti stesen, kerana setiap 'checker' di stesen ini mengawas tidak lebih dari 15 pekerja. Penelitian dan penumpuan yang lebih

dapat dijalankan terhadap mutu kerja yang dihasilkan. Di sektor swasta, jumlah 'checker' adalah sedikit dan setiap 'checker' mengawasi 20 - 25 pekerja. Jumlah yang sedikit ini memang sengaja dilakukan majikan untuk menjimatkan kos, walaupun produktiviti stesen dapat dipertingkat lagi dengan penambahan 'checker' waktu mengawasi dan memeriksa daun kering yang digredkan.

Daun tembakau yang dihasilkan oleh penanam dijual kepada stesen pengawetan terpaksa mengalami berbagai proses sebelum dijual kepada pengilang rokok. Mengilas² atau mengikat daun hijau kepada slings (Rujuk Gambar B), yang panjangnya antara 4 - 6 kaki (bergantung kepada keluasan rumah awet yang dimiliki oleh stesen) adalah proses yang pertama.



Gambar B: Mengikat atau mengilas daun hijau. Salah satu bidang kerja yang sepenuhnya dilakukan pekerja wanita di stesen pengawetan

Daun tembakau hijau yang dibeli dari penanam tidak boleh disimpan lama. Ini kerana jika iaanya tidak diikat pada slings dengan stesen, akan mengakibatkan mutunya jatuh. Daun hijau ini akan musnah akibat kepanasan/kelembapan yang tinggi kerana bertindih antara satu sama lain. Daun tembakau yang telah diikat, dimasukkan ke dalam 'barns' untuk diawetkan, dibakar dengan bahan bakar seperti kayu getah, elektrik dan juga diesel dengan pengawalan udara dan suhu yang rapi selama 5 - 6 hari (bergantung di atas cara pengawalan suhu). Proses ini dilakukan oleh pekerja lelaki.

Merombak daun yang telah diasap dari 'slings' adalah peringkat ketiga dalam kajian memproses. Daun yang baru dikeluarkan dari 'barns' perlu dirombak/dilerai segera kerana daun tembakau ini cepat reput bila suhunya sejuk, menyebabkan mutu daun kering yang dihasilkan rendah. Daun tembakau yang telah dirombak disimpan dalam beg plastik, di mana udara lembab tidak dapat memasukinya. (Rujuk Gambar C).

Penggredan atau pengelasan daun kering merupakan peringkat keempat. Kerja yang sepenuhnya oleh kaum wanita. Pekerjaan menggred ini dilakukan di tempat khas yang dipanggil 'grading' atau bangsal menggred. Bangsal ini tertutup rapi bagi mengelakkan kadar kelembapan udara yang boleh menyebabkan daun kering rosak. Kerja yang dilakukan ini menitikberatkan kepada kehakisan kerja, di samping kemahiran memilih daun kering mengikut spesifikasi atau gred yang telah ditetapkan. Kemahiran dapat dicapai melalui kerja yang dilakukan sehari-hari, dan juga dari tunjukajar pengurus dan 'checker'.



Gambar C: Melerai/Merombak daun kering dari slings yang baru dikeluarkan dari rumah awet. Bidang kerja yang berikutnya dilakukan wanita



Gambar D: "Penggred" sedang memilih atau menggredkan daun yang sudah dirombak, mengikut spesifikasi yang ditetapkan pengilang

Ketiga-tiga jenis kerja seperti mengikat, merombak dan menggred sepenuhnya dilakukan oleh wanita. Tanpa penyertaan dan penglibatan mereka, operasi penyebaran daun tembakau kering akan tergendala. Di sinilah letaknya kepentingan wanita sebagai tenaga penggerak bagi sesebuah stesen pengawetan itu.

Setelah daun tembakau kering siap digredkan, 'checker' akan mengumpulkan daun mengikut gred untuk dibungkus/di'bale'kan. Berat setiap 'bale' antara 50 - 55 kg. Proses ini merupakan kerja yang paling akhir dalam pemerosesan daun tembakau yang telah diawetkan sebelum dijual kepada pengilang rokok. Buruh lelaki turut terlibat dalam proses penyediaan 'bale' ini kerana proses pembuatannya melibatkan tenaga yang lebih. (Biasanya dua pekerja lelaki dan dua wanita). Empat pekerja ini dalam sehari mampu menyiapkan 8 - 10 'bale'. (Bayaran diberi berdasarkan kerja \$8.00 sebiji 'bale').

Apabila wakil dari pengilang rokok datang ke stesen untuk membeli 'bale' tadi, mereka membuka kembali jahitan guni 'bale' untuk diperiksa sama ada daun kering itu di'bale' mengikut gred yang ditetapkan. Andaikata didapati daun bermutu rendah dicampur atau bercampur dengan mutu tinggi, 'bale' yang terbabit akan dirombak kembali untuk digredkan semula daun kering itu bagi membolehkan pengilang membeli 'bale' tersebut.

Namun begitu, masih terdapat beberapa tindakan penipuan yang dilakukan di atas arahan majikan kepada pekerja terutama sewaktu 'checker' memeriksa daun yang digredkan (diminta supaya dicampur daun yang kurang elok dengan yang elok), dan juga sewaktu membungkus 'bale'. Jika nasib baik, 'bale' yang mengandungi daun bercampur dapat dijual dengan harga yang tinggi, andainya wakil pengilang rokok tidak memeriksa dengan teliti sewaktu pembelian 'bale' tersebut. Wakil pengilang terpaksa tegas dalam proses

pembelian ini kerana jika silap pembelian dan juga penggredan, mutu rokok yang akan dikeluarkan nanti tidak menepati citarasa pengguna.

4.5 Jumlah Jam dan Hari Bekerja

Industri pemerosesan daun tembakau merupakan industri yang berbeza dengan industri lain kerana ia bermusim. Daun tembakau basah yang baru dipetik dijual terus ke stesen pengawetan. Di stesen, ianya perlu diproses segera kerana daun tembakau akan musnah jika disimpan melebihi 48 jam. Keadaan sedemikian menyebabkan pekerja di bahagian daun besar ini bekerja tidak mengikut jam kerja biasa. Pada hari pembelian daun hijau, mereka perlu mengikatnya pada 'slings' yang disediakan secepat mungkin untuk mengelakkan kemusnahan.

Kadang-kadang jika pembelian daun hijau dilakukan pada hujung minggu, mereka terpaksa kerja pada hari minggu bagi menyelesaikan tugas ini. Waktu kerja biasa ialah 9.00 pagi - 5.00 petang, tapi jika kerja tidak siap pada waktu kerja biasa ini mereka terpaksa kerja hingga larut malam (sehingga 11.00 malam). Mereka akan diberi minuman dan makanan percuma oleh syarikat. Walaupun pekerja wanita ini bekerja melebihi waktu biasa namun bayaran yang diterima adalah merupakan bayaran waktu kerja biasa, iaitu mengikat daun berdasarkan bayaran 'piece-rate'.

Di bahagian 'grading', menggred daun kering dilakukan pada waktu kerja biasa. Cuaca yang kering diperlukan sewaktu

kerja menggred dijalankan, bagi mengelakkan berlakunya kelembapan ke atas daun tembakau kering yang menyebabkan mutu rokok yang dikeluarkan nanti adalah rendah. Pekerja wanita di bahagian ini turut bekerja pada hari minggu, namun begitu kadar bayaran yang diterima adalah sama waktu kerja biasa. Pihak pengurusan apabila ditanya mengapa mereka tidak membayar lebih untuk kerja melebihi waktu biasa. Jawapan yang diberikan ialah kerana kadar bayaran bagi pekerja wanita berdasarkan 'piece-rate' tidak kira mereka bekerja hingga larut malam, kadar bayaran tetap sama. Keadaan ini bertentangan dengan Akta Buruh 1955, yang memerlukan majikan membayar dua kali ganda bila kerja pada hari minggu. (ihat Lampiran 1, m.s. 20). Kira-kira 80% pekerja wanita yang bekerja lebih masa terdiri dari surirumah dan 50% pekerja yang belum berkahwin. Majikan memang sedar akan wujudnya akta ini, tapi kerana penguatkuasaan dari pihak berwajib ke atas mereka longgar menyebabkan mereka dapat mengelakkan diri dari menunaikan tanggungjawab tersebut dan dengan ini mereka dapat untung lebih.

Di bahagian pentadbiran, pekerja wanita terbabit bekerja waktu biasa (9.00 pagi - 5.00 petang) setiap hari dan pada hari minggu tidak bekerja. Jika keadaan memaksa pekerja bekerja lebih masa, majikan swasta membayarnya dengan kadar \$1.30 sejam dan \$1.00 sejam di stesen kerajaan.

4.6 Kadar Bayaran Yang Diperolehi

Jadual 4.4: Kadar Bayaran Yang Dibayar Kepada
Pekerja Wanita Di Stesen Pengawetan

Jenis Kerja Yang Dilakukan	Pemilikan	
	Swasta	Kerajaan
Pentadbiran/Pengurusan	\$12.00 sehari	\$15.00 sehari
'Checker'/Penyelia	\$10.00 sehari	\$10.00 sehari
Mengikat/Mengilas Daun Hijau	.09 segalah	.10 segalah
Merombak/Melerai Daun Kering Dari Galah atau 'slings'	.05 segalah	.04 segalah
Menggred	.22 sekilo	.20 sekilo
Membuat Skrap*	\$ 1.00 sekilo	\$ 1.20 sekilo

Sumber: Soalselidik

- Catatan:
- * Membuat skrap, kerja yang hampir sama dengan menggred tapi lebih rumit kerana memilih daun kering yang hancur dan mutu yang rendah, disesuaikan dengan spesifikasi penggredan daun kering biasa
 - Penetapan kadar bayaran 3, 4 dan 5 berdasarkan 'piece-rate'
 - Gaji dibayar (2 X) sebulan di stesen pengawetan kerajaan dan stesen swasta sekali sebulan

Daripada jadual di atas, hanya pekerja wanita di bahagian pengurusan sahaja yang memperolehi pendapatan yang agak tinggi iaitu dua belas ringgit (\$12) sehari atau \$360 sebulan di stesen swasta dan lima belas ringgit (\$15) di stesen kerajaan. Di sini kadar yang dibayar oleh stesen kerajaan adalah lebih tinggi. 'Checker' pula dibayar gaji hari. (Di kedua stesen \$10 sehari).

Manakala bagi pengilang daun hijau dibayar berdasarkan kepada setiap 'slings' yang mampu diikat. Biasanya setiap pekerja di bahagian ini dapat mengilas daun hijau di antara 100 - 150 batang 'slings' sehari (waktu kerja biasa).

Merombak atau meleraikan daun kering dari 'slings' juga berdasarkan kepada banyaknya 'slings' yang dapat dilerakan daun yang diikat itu. Bahagian ini tidak banyak mendatangkan pendapatan kerana daun yang dikeluarkan dari 'barns' adalah terhad, sedangkan bilangan pekerja adalah ramai. Mereka yang cekap dapat lebih dan bagi yang tidak cekap pendapatan yang diperolehi adalah sedikit.

Kadar bayaran bagi penggred daun pula berdasarkan kepada kuantiti (kg) daun tembakau kering yang dapat digredkan. Membuat 'skrap' pula memerlukan penumpuan dan penelitian kerana kerjanya agak rumit disebabkan daun kering hancur, maka mereka dibayar kadar upah yang agak tinggi iaitu \$1.00 bagi sekilogram di stesen swasta dan \$1.20 di stesen kerajaan.

Terdapat perbezaan kadar bayaran di antara stesen swasta dan kerajaan adalah kerana corak/strategi perniagaan yang bertujuan untuk menarik lebih ramai wanita bekerja di stesen masing-masing. Ini kerana setiap stesen masih memerlukan lebih ramai pekerja untuk memproses daun tembakau kerana jumlah daun yang dibeli adalah banyak, berbanding dengan jumlah pekerja yang dapat memprosesnya segera.

4.7 Pendapatan

Pendapatan merupakan satu aspek penting dalam memahami keadaan ekonomi wanita di stesen pengawetan tembakau. Dengan mengetahui jumlah pendapatan yang diterima responden dalam perusahaan ini, pengkaji akan menilai sejauhmana penglibatan wanita dalam pekerjaan dapat mengubah kedudukan ekonomi keluarga dan diri mereka.

Terdapat beberapa aspek penting yang akan dibincangkan seperti jumlah pendapatan yang diterima, cara pembayaran dilakukan, jenis kemudahan diperolehi, pola perbelanjaan dan hal bersangkutan. Perbincangan lanjut dapat dilihat dari jadual di bawah.

Jadual 4.5: Pendapatan Bulanan Responden
Mengikut Status

Pendapatan (\$)	Responden Yang Berkahwin		Responden Bujang		Jumlah
	Bil.	%	Bil.	%	
0 - 50	1	3.3	0	0	1
51 - 100	2	6.6	0	0	2
101 - 150	3	10	4	13.3	7
151 - 200	6	20	4	13.3	10
201 - 251	11	36.7	6	20	17
251 - 300	5	16.6	11	36.6	16
Lebih 301	2	6.6	5	16.6	7
JUMLAH	30	100	30	100	60

Sumber: Soalselidik

Dari Jadual 4.5 didapati anggaran pendapatan yang diperolehi oleh pekerja wanita di stesen pengawetan tembakau adalah di antara \$100 - \$300 sebulan, di mana 83.3% atau 50 responden mempunyai pendapatan di lingkungan ini. Hanya 11.6% atau 7 responden memperolehi pendapatan melebihi \$300 dan 5% atau 3 responden pendapatannya tidak sampai \$100.

Pekerja wanita yang memperolehi pendapatan melebihi \$300 ke atas adalah pekerja di bahagian pengurusan/pentadbiran. Manakala yang bekerja di bahagian pemerosesan adalah kurang dari jumlah ini. Responden yang memperolehi pendapatan kurang \$100 itu terdiri daripada mereka yang bekerja tidak tetap. Ianya terdiri dari surirumah yang terpaksa mengurus rumah tangga dan anak-anak yang ramai. Bila ada kelapangan barulah mereka datang bekerja. Pihak pengurusan stesen sebenarnya tidak suka mengambil pekerja sedemikian, tapi kerana mementingkan hubungan sosial terutamanya dengan orang kampung yang menjadi penanam tembakau berdaftar dengan sesebuah stesen, mereka terpaksa menerima siapa sahaja yang ingin bekerja.

Bagi pekerja wanita yang terlibat sebagai buruh pengikat daun hijau, merombak dan menggred; kadar pendapatan yang diterima berdasarkan jumlah kerja yang dapat disiapkan. Sebahagian besar dari responden sama ada yang telah berkahwin mahupun bujang, memperolehi pendapatan di antara \$150 - \$1300. Hanya 5 responden bujang dan dua yang berkahwin memperolehi \$300 ke atas. Jadual 4.5 menunjukkan pekerja bujang mendapat pendapatan yang lebih tinggi

daripada pekerja berkeluarga kerana mereka datang kerja awal dan pulang lewat malam.

Walaupun waktu kerja telah ditetapkan, majikan tidak boleh memaksa pekerja datang tepat pada waktunya kerana kadar upah adalah berdasarkan 'piece-rate'. Hanya mereka di bahagian pengurusan datang tepat pada waktu yang ditetapkan.

Pada hari pembelian daun hijau di mana kerja mengikat daun pada 'slings' perlu disegerakan. Kekurangan pekerja berlaku bila pekerja terutamanya yang berkeluarga pulang awal, menyebabkan pekerja yang belum kahwin kerja lewat malam (sehingga jam 11.00 malam). Daun tembakau yang tidak sempat diproses pada hari itu akan disambung kembali prosesnya pada keesokan hari.

Semua jumlah pendapatan bagi responden seperti di Jadual 4.5 adalah berdasarkan kepada sebulan kerja tanpa berhenti oleh pekerja di bahagian mengilas, merombak dan menggred. Sebenarnya tiada penghususan bagi setiap pekerja di bahagian ini kerana mereka yang sama akan melakukan ketiga-tiga jenis kerja ini. Pada hari pembelian daun hijau, semua pekerja akan mengilas dan pada hari biasa mereka melakukan kerja menggred, selepas merombak daun dari 'slings' yang baru dikeluarkan dari 'barns'.²

Secara keseluruhannya pendapatan yang diperolehi oleh kebanyakan responden masih di bawah tahap kemiskinan \$225 sebulan, seperti yang ditetapkan kerajaan dalam tahun 1975. Walaupun pendapatan yang diperolehi adalah tidak berpadanan dengan kelulusan

dan taraf pelajaran yang dimiliki responden, namun mereka masih bekerja kerana beberapa faktor seperti untuk lari dari perasaan duduk bersendirian, rasa bosan dan jenis kerja senang diperolehi mempunyai pendapatan walaupun kecil dan kerjanya pula bercorak sementara.

Menurut responden yang belum berkahwin, kerja yang dilakukan itu hanyalah untuk meringankan beban keluarga. Pendapatan yang diterima itu dapat digunakan bagi membeli barang keperluan diri sendiri, contohnya pakaian dan perhiasan tanpa mengharap bantuan orang tua.

Manakala responden yang telah berkeluarga pula, walaupun pendapatan yang diterima itu kecil tapi apabila dicampur dengan pendapatan suami, pendapatan yang diperolehi adalah lebih baik untuk keharmonian rumah tangga. Kedudukan kewangan keluarga yang sudah berkahwin ini lebih stabil, lebih-lebih lagi responden yang mempunyai tanggungan yang sedikit.

4.8 Perbelanjaan

Setelah kita melihat pola pendapatan mereka, bahagian ini akan membincangkan pola perbelanjaan mereka. Perbelanjaan yang dibuat adalah mengikut jumlah pendapatan. Jika pendapatan tinggi, pola perbelanjaan juga tinggi dan keadaan sebaliknya. Bagi responden yang mempunyai pendapatan rendah, perbelanjaan juga rendah.

Pola perbelanjaan bagi rumahtangga dapat dikategorikan kepada beberapa jenis:-

- (i) Barang keperluan asas seperti keperluan dapur, pakaian, persekolahan anak-anak, kediaman dan juga belanja perubatan.
- (ii) Barang-barang mewah, seperti barang kemas, perabot rumah dan sebagainya.
- (iii) Simpanan/tabungan waktu kecemasan.

Responden yang terlibat dalam kerja di stesen pengawetan tembakau, bagi yang telah berkeluarga; keperluan bekerja dapur, pakaian serta belanja persekolahan anak-anak adalah dipentingkan. Manakala bagi responden yang belum mendirikan rumahtangga, perbelanjaan untuk keperluan diri lebih diutamakan.

Keadaan ini dapat dilihat dari Jadual 4.6.

Jadual 4.6: Perbelanjaan Bulanan Oleh Responden Yang Sudah Berkeluarga

Jadual Perbelanjaan (Dalam Sebulan)	Purata Perbelanjaan	Jum. Responden Terlibat	%
Api, Air dan lain-lain	Kurang \$20	7	11.7
Bayaran Ansuran	\$20 - \$40	12	20
Persekolahan Anak-Anak	\$40 - \$80	14	23.3
Belanja Dapur	Lebih \$100	27	45
JUMLAH		60	100

Sumber: Soalselidik

Dari Jadual 4.6, didapati 27 responden berbelanja lebih \$100 sebulan untuk keperluan dapur saja. Diikuti dengan perbelanjaan persekolahan anak-anak di antara \$40 - \$80 sebulan (14 responden). Paling kurang belanja ialah untuk api, air dan lain-lain. Keadaan ini jelas menunjukkan responden tidak pentingkan diri sendiri. Jumlah ini bagaimanapun tidak termasuk pendapatan suami masing-masing. Untuk huraian lanjut, sila lihat Jadual 4.7.

Jadual 4.7: Perbelanjaan Bulanan Barang Dapur
Bagi Responden Yang Berkeluarga

Perbelanjaan (Sebulan)	Bil. Responden	Tanggungan	%
\$ 50 - \$100	3	1 - 3 orang	10
\$101 - \$150	8	4 - 7 orang	26.6
\$151 - \$200	19	7 ke atas	63.3
\$201 - \$250	-	-	-
Lebih \$250	-	-	-
JUMLAH	30		100

Sumber: Soalselidik

Dari Jadual 4.6 dan Jadual 4.7, didapati bahawa perbelanjaan untuk barang dapur merupakan tumpuan utama, diikuti dengan perbelanjaan persekolahan anak-anak, ansuran dan bayaran api dan air. Jumlah yang agak besar diuntukkan bagi keperluan dapur antara \$150 - \$200, di mana 19 responden terlibat. 11 responden menggunakan kurang dari \$150 dan ini bergantung kepada jumlah ahli keluarga iaitu semakin ramai tanggungan, maka semakin banyak perbelanjaan disediakan

bagi barang dapur. Jadi jelaslah bahawa perbelanjaan yang dilakukan mereka ini untuk membantu meringankan beban suami.

Setakat ini penulis nampaknya hanya memberikan data yang agak lengkap dalam keperluan dapur sahaja. Keadaan ini berlaku kerana responden hanya memberikan jumlah yang baik dan lengkap dalam perbelanjaan dapur sahaja, sedangkan dalam pola perbelanjaan lain seperti pakaian, barang kemas, perabot dan lain-lain adalah bergantung kepada lebihan wang yang telah dibelanjakan untuk barang yang utama. Namun begitu masih ada responden yang membeli barang secara ansuran terutamanya bagi barang kelengkapan rumah. Jelaslah bahawa pekerjaan yang dilakukan itu adalah untuk membaiki kehidupan keluarga.

Bagi responden yang belum berkahwin pula perbelanjaan mereka tidak ditentukan jumlahnya setiap bulan terutama untuk perbelanjaan dalam keluarga. Mereka membantu sekadar yang mampu antara \$50 - \$70 sebulan untuk meringankan beban keluarga terutama dalam hal belanja persekolahan ahli keluarga. Bakinya responden menggunakan untuk membeli barang kemas dan alat perhiasan diri yang diperlukan oleh seorang wanita. Sedikit dari jumlah pendapatan dibuat tabungan bagi maksud kecemasan dan persediaan untuk masa depan.

Dariuraian di atas dapat kita lihat perbezaan pola perbelanjaan antara responden yang telah berkeluarga dan yang belum berumahtangga. Yang berkeluarga perbelanjaan mereka untuk keperluan anak dan keperluan dapur. Manakala yang bujang untuk

keperluan diri dan sedikit sumbangan kepada keluarga.

Dari data dan maklumat yang diperolehi, tidak semua wanita membelanjakan pendapatan mereka semata-mata untuk keperluan rumahtangga kerana bagi yang telah berkeluarga, pendapatan suami adalah lebih utama. Perbelanjaan untuk keperluan asas banyak dilakukan oleh lelaki/suami dan pendapatan isteri hanya sebagai penimbang kepada pendapatan suami.

Dengan ini dapat dibuat kesimpulan, walaupun pendapatan mereka rendah tapi dengan kebijaksanaan mereka dalam mengagihkan wang pendapatan dengan cara yang paling optima, sesuai dengan taraf penghidupan mereka dan akhirnya mereka dapat membantu pendapatan suami dalam mengurus rumahtangga dan keluarga.

4.9 Tabungan

Simpanan atau tabungan ialah menangguhkan penggunaan pendapatan yang diterima.⁴ Dalam kes ini, hanya sebilangan kecil responden mempunyai kesedaran untuk menyimpan. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, kerajaan menyediakan berbagai kemudahan simpanan seperti di bank dan pejabat pos, tapi menggalakkan rakyatnya berjimat dengan cara menyimpan di institusi yang disediakan ini. Tidak semua responden yang dikaji mampu membuat simpanan kerana tidak mempunyai lebihan pendapatan. Bagaimana hendak menyimpan kalau semua pendapatan yang diperolehi itu habis dibelanja untuk keperluan dapur dan anak-anak. Hanya sebilangan kecil responden yang belum kahwin membuat simpanan

di bank bagi kegunaan masa depan, dan juga membeli barang keperluan 'wanita' seperti barang-barang kemas.

4.10 Kemudahan Yang Diperolehi

Sebagai sebuah organisasi perniagaan yang bermotifkan keuntungan, stesen pengawetan tembakau sama ada milik kerajaan mahupun swasta menyediakan beberapa kemudahan dan keselesaan pekerja sewaktu bertugas.

Kedua-dua jenis pemilikan sama ada stesen swasta dan kerajaan saling bersaing, mengadakan pelbagai cara untuk menarik minat wanita bekerja di stesen pengawetan masing-masing. Untuk menjelaskan lebih lanjut mengenai kemudahan yang diterima dapat dilihat dari Jadual 4.8.

Daripada Jadual 4.8, didapati hanya sedikit sahaja kemudahan disediakan oleh majikan kepada para pekerja di stesen pengawetan. Keadaan ini menunjukkan pihak majikan tidak begitu mementingkan 'kebajikan' para pekerja. Huraian lanjut untuk melihat siapa yang menerima kemudahan adalah seperti di bawah.

4.10.1 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

'KWSP' merupakan caruman wang yang dipotong dari pendapatan atau gaji pekerja, dan majikan adalah bertanggungjawab memberi caruman bagi pihak syarikat kepada para pekerja. (Rujuk Lampiran 3). KWSP merupakan undang-undang yang dikuatkuasakan kerajaan bagi menjamin masa depan yang lebih baik jika seseorang individu itu

Jadual 4.8: Jenis Kemudahan Yang Diterima Oleh Pekerja Wanita
Di Stesen Pengawetan. Perbandingan Antara
Pemilikan Swasta dan Kerajaan

Jenis Kemudahan Yang Diperolehi	Jenis Pekerjaan Di Stesen					
	Kerajaan			Swasta		
	Pentadbiran	'Checker'	Mengikat Merombak Menggred	Pentadbiran	'Checker'	Mengikat Merombak Menggred
KWSP	/			/		
Bonus	/	/		/	/	
Bayaran 'Overtime'	/	/		/		
Perubatan	/					
Insuran Kemalangan				/	/	/
Cuti	/					
Latihan	/	/			/	
Pinjaman Kecemasan		/	/		/	/
Lain-lain Ganjaran	/					/

dipecat atau diberhentikan. Jadi kemudahan ini dapat membentuk masa depan mereka.

Di stesen pengawetan tembakau sama ada swasta atau kerajaan, hanya pekerja di bahagian pentadbiran sahaja dibayar caruman KWSP ini. Golongan pekerja di bahagian lain tidak dibayar dan diberi pemotongan. Jika berdasarkan Akta KWSP1951, Seksyen 7, setiap majikan yang mempunyai lebih dari dua pekerja, kedua-dua belah pihak; pekerja dan majikan perlu membayar caruman kepada kerajaan bagi pekerja tersebut, jika tidak majikan berhak didenda sehingga \$2,000.

Kebanyakan majikan ingkar akan undang-undang ini dan apabila ditanya, semua dari mereka sedar akan wujudnya akta tersebut dan tanggungjawab terhadap pekerjanya. Mereka enggan melakukannya kerana melibatkan jumlah wang yang banyak dan alasan yang diberi untuk melepaskan diri dari memikul tanggungjawab tersebut ialah pekerja terlibat merupakan pekerja bermusim. Manakala golongan pekerja sendiri pula tidak ambil berat tentang hal ini walaupun mempunyai pendidikan yang agak tinggi, tapi tidak mahu menyuarakan kepada majikan atau membawa masalah ini kepada Jabatan Buruh untuk mendapatkan hak mereka.

4.10.2 Bonus

Dalam hal ini pihak pengurusan stesen di kedua-dua jenis pemilikan mengambil berat terhadap pemberian bonus tahunan kepada pekerja syarikat. Namun begitu pemberian bonus tidak meliputi

semua pekerja di segenap bahagian. Pemberian hanya meliputi pekerja di bahagian pengurusan dan juga 'checker'. Majikan memberi saguhati bonus ini kepada mereka kerana merupakan tenaga penting yang menggerakkan urusan pentadbiran dan pemerosesan. Majikan mengambil berat peranan mereka ini kerana jika "perasaan" pekerja ini tidak dijagai, produktiviti syarikat akan terjejas.

Di syarikat milik kerajaan, pembayaran bonus telah ditetapkan. Setiap dari pekerja akan menerima \$250 semusim. Manakala bagi milik swasta pula bergantung di atas keuntungan syarikat dan biasanya pemberian bonus ini tidak melebihi \$400 semusim bagi setiap pekerja.

Bagi bayaran kerja lebih masa pula, 'checker' yang bekerja di stesen kerajaan yang menikmatinya. Di stesen swasta bayaran ini tidak diberikan kerana 'checker' bekerja waktu biasa iaitu 9.00 pagi - 5.00 petang.

Bagi lain-lain jenis kerja, disebabkan ia berdasarkan kepada jumlah barang yang dihasilkan maka masa 'overtime' tidak dibayar dan bayaran untuknya tidak dikira.

4.10.3 Cuti

Dari segi cuti, keseluruhan majikan memberi kebenaran kepada pekerja mendapatkan cuti bergaji, dan biasanya diperuntukkan 14 hari setahun bagi pekerja di bahagian pengurusan/pentadbiran. Manakala di bahagian pemerosesan, pengikat daun hijau, perombak dan penggred daun kering; cuti tidak dipentingkan. Musim pemerosesan

tembakau berbentuk bermusim dan sementara. Jadi mereka bekerja sepenuh masa dan tenaga untuk mencari pendapatan pada musim ini. Jika terdapat sebarang masalah keluarga yang perlu diselesaikan waktu bekerja, pekerja wanita ini bebas untuk meninggalkan kerja bagi menyelesaiannya. 'Checker' dan kakitangan pengurusan perlu kebenaran majikan, kerana tanpa kehadiran mereka bertugas, pengurusan dan pengeluaran stesen akan terjejas.

4.10.4 Insuran Kemalangan dan Kemudahan Rawatan Perubatan

Bagi kemudahan perubatan percuma, hanya pekerja di bahagian pentadbiran stesen pengawetan kerajaan sahaja yang memperolehnya ditanggung oleh syarikat. Bagi lain-lain bidang kerja, jika berlaku kemalangan pekerja hanya dibawa ke hospital dan biasanya diberi saguhati berupa wang dan jumlahnya tidak melebihi \$150.

Insuran kemalangan pula hanya disediakan oleh majikan stesen swasta dan stesen pengawetan kerajaan tidak menyediakannya. Insuran kemalangan yang disediakan oleh majikan stesen swasta. Ini meliputi setiap pekerja dan secara tidak langsung menarik minat pekerja wanita untuk bekerja di stesen swasta dari kerajaan, kerana keselamatan mereka agak terjamin.

4.10.5 Latihan

Dalam bahagian ini akan dibincangkan tentang bentuk latihan yang diperolehi oleh setiap pekerja wanita di stesen pengawetan tembakau ini. Latihan dan pengalaman adalah diperlukan untuk memahirkan diri dalam menjalankan tugas bagi meningkatkan

produktiviti serta kualiti daun tembakau kering yang dihasilkan.

Lembaga Tembakau Negara merupakan agensi khusus yang ditubuhkan kerajaan bagi memaju dan memodenkan industri pengeluaran tembakau di Malaysia. Untuk mencapai matlamat ini, LTN membentuk bahagian latihan bagi menyediakan, membina dan meninggikan taraf pengetahuan personel LTN dan tenaga manusia dari sektor-sektor di dalam industri tembakau.

Pekerja-pekerja wanita yang terlibat dalam aktiviti pemerosesan daun tembakau ini, semuanya diberi panduan dan tunjuk-ajar terlebih dulu sebelum menjalankan tugas. Pengurus, penyelia stesen dan di bawah pengawasan 'checker' memberi panduan kepada semua pekerja di bahagian ini terutamanya kepada yang baru, cara mengikat/mengilas daun hijau, merombak dan juga menggred daun kering mengikut gred yang ditetapkan oleh pengilang rokok. Para pekerja digalakkan bertanya tentang masalah kerja yang mereka lakukan.

Pihak LTN dengan kerjasama pengilang-pengilang rokok mengadakan seminar dan kursus singkat yang mengambil masa 2 - 3 hari pada setiap awal musim penanaman tembakau kepada kakitangan di setiap stesen sebagai panduan untuk menjaga kualiti daun yang dihasilkan. Kerja bermula dari proses penanaman tembakau hingga kepada aktiviti pemerosesan. Ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti. Kini pihak LTN mewajibkan setiap stesen menghantar sekurang-kurangnya tiga wakil untuk mengikuti sebarang kursus yang berkaitan. Segala kos latihan adalah ditanggung oleh stesen pengawetan di mana mereka bekerja.

Pihak LTN bersama wakil dari pengilang rokok seperti Rothmans, Malayan Tobacco Company, R.J. Reynolds dan beberapa yang lain sentiasa melawat stesen pengawetan untuk memberi panduan dan tunjukajar yang betul kepada para pekerja, waktu pemerosesan dijalankan agar gred daun yang dihasilkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan menjamin citarasa pengguna, bila ia diproses menjadi rokok nanti.

Bagi yang terlibat di bahagian pentadbiran, majikan menghantar mereka mengikuti kursus akaun bagi memudahkan mereka mengendalikan akaun pelanggan, pekerja dan syarikat. Bagi stesen milik kerajaan pula, pekerja di bahagian ini dihantar mengikuti kursus dan seminar yang dijalankan di Ibu Pejabat Perbadanan Kerajaan Negeri, bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam pengurusan pentadbiran.

4.10.6 Pinjaman Kecemasan

Dalam hal pendahuluan semasa kecemasan, pihak pengurusan di kedua-dua jenis pemilikan stesen adalah bertimbang rasa. Mereka bersedia membantu para pekerja yang menghadapi kesempitan wang. Menurut responden yang ditemui di kedua-dua jenis pemilikan stesen menyatakan mereka jarang meminta bantuan, itupun jika terpaksa. Bayaran balik akan dipotong dari jumlah gaji yang diterima. Mengenai pinjaman untuk membeli kenderaan dan sebagainya, majikan di kedua-dua stesen memberi kepada mereka di bahagian pengurusan stesen sahaja dan ia bergantung di atas budibicara pengurus stesen.

4.10.7 Kemudahan-Kemudahan Lain

Kemudahan lain yang disediakan oleh majikan di kedua-dua jenis pemilikan stesen kerajaan dan swasta ialah pengangkutan. Pihak stesen menyediakan beberapa buah van dan kereta untuk mengambil dan menghantar pekerja dari rumah mereka ke stesen. Juga disediakan bilik sembahyang. Begitu juga dengan kantin untuk keperluan makan minum pekerja. Bagi pekerja yang bekerja selepas waktu kerja (selepas jam 5.00 petang) hingga larut malam (selepas 11.00 malam), majikan di semua stesen menyediakan makan dan minum percuma kepada semua yang terbabit.

4.11 Sosial

Dalam bahagian ini akan dilihat bagaimana perhubungan sosial adalah antara faktor penting dalam membincangkan tentang peranan wanita dalam pekerjaan di stesen pengawetan.

4.1.1 Hubungan Dengan Majikan

Dari pemerhatian dan kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati hubungan antara pekerja di segenap bahagian terutamanya di mana pekerja wanita terbabit adalah berlangsung dalam suasana kerja yang baik dan bersifat lebih informal. Pihak pengurusan/majikan senang ditemui untuk membincangkan sebarang masalah. Mereka memberi panduan dan tunjukajar pada para pekerja dan keadaan yang wujud ini telah melahirkan hubungan timbul balik yang diperlukan antara pihak pengurusan dan pekerja, bagi mencapai keuntungan yang sendirinya mungkin untuk stesen. Segelintir dari

responden yang lebih dewasa dari segi umur dan pemikirannya 'berani' meluahkan apa saja yang tidak mereka gemari dan ingin, sewaktu majikan ada bersama untuk perbincangan.

Namun begitu, sebahagian besar responden yang ditemui, tidak berani melahirkan rasa kurang senang terhadap majikan yang tidak mementingkan kebaikan pekerja kerana takut mereka dikenakan tindakan yang boleh menjadikan kerja mereka.

4.11.2 Sikap dan Pandangan Responden Terhadap Pekerjaan

Bahagian ini akan membincangkan tentang sikap dan pandangan responden dalam menilai sejauhmana mereka berpuashati dengan kerja dan gaji.

Dari kajian yang dilakukan walaupun gaji yang diperolehi adalah rendah dan tidak banyak kemudahan sampingan yang diberikan oleh majikan kepada pekerja, namun sebahagian besar responden masih suka bekerja di stesen pengawetan kerana mereka senang untuk masuk bekerja dan dapat berhenti bila-bila masa.

Semua responden yang ditemui sepakat menyatakan mereka berpuashati dengan kedudukan pendapatan yang diperolehi dari syarikat, walaupun rendah tapi sekurang-kurangnya meringankan masalah kewangan yang dihadapi. Oleh kerana pekerjaan di sektor pemerosesan tembakau adalah bermusim, maka selepas dari musim tembakau sebahagian besar dari responden kembali menganggur.

Bagi responden yang telah berkahwin, kerja yang dilakukan di stesen pengawetan ini bukanlah menjadi tanggungjawab utama mereka. Mereka akan kembali menjadi surirumah sepenuh masa jika suami tidak mengizinkan mereka bekerja. Pengurusan rumah tangga adalah tanggungjawab isteri dan jika suami yang sering melakukan kerja-kerja seperti mengasuh anak dan lain-lain, mereka akan dipandang serong oleh masyarakat sekeliling. Jadi rata-rata mereka tidak 'committed' dengan kerja yang dianggap sementara sahaja.

4.11.3 Hubungan Sesama Pekerja

Dalam hal ini, keseluruhan responden sama ada yang bujang atau berkeluarga, perhubungan sesama mereka sewaktu bekerja berjalan dalam suasana yang mesra. Ini kerana hampir keseluruhan responden yang terlibat di stesen mengenali antara satu sama lain. Jika menghadapi sebarang masalah, rakan-rakan sedia membantu. Sifat 'kekeluargaan' yang menjadi cara hidup dan norma masyarakat Melayu luarbandar sememangnya turut sama terlibat di luar lingkungan rumah tangga. Namun begitu, jika berlaku sebarang perselisihan faham antara pekerja, 'checker' dan majikan mengambil jalan segera menyelesaiannya agar pengeluaran stesen tidak terjejas. Hubungan jiran sekampung dikekalkan di tempat kerja.

Notakaki

1. Lembaga Tembakau Negara, Perangkaan Tembakau 1988, Kementerian Pengeluaran Utama, Kota Bharu.
2. 'Barns' adalah sama dengan rumah asap.
3. 'Mengilas di sini mempunyai pasaran dengan menyusun daun mengikut spesifikasi dan warna daun agar waktu diawetkan tidak hangus dan rosak.
4. Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, Keadaan Komuniti Nelayan dan Petani di Kampung Kedai Buluh Kelantan, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya (Tesis M.A.)

BAB V

MASALAH DAN MASA DEPAN

Dalam bab ini, akan dibincangkan masalah yang dihadapi oleh para pekerja di stesen pengawetan tembakau, khususnya pekerja wanita. Apakah kemudahan dan *incentif* yang diberikan oleh majikan itu dapat meningkatkan 'kebijakan' para pekerja terbabit dan menjamin masa depan mereka, turut dibincangkan.

5.1 Masalah Sewaktu Menjalankan Tugas

Dalam menjalankan sebarang tugas atau tanggungjawab, pastinya berbagai masalah akan timbul sama ada kecil atau besar namun ia akan cuba diselesaikan bagi membolehkan setiap pekerja itu menjalankan tugasnya dengan baik. Banyak masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja wanita di stesen pengawetan tembakau ini. Ianya dapat dikategorikan kepada beberapa jenis masalah seperti yang terdapat dalam Jadual 5.1.

5.1.1 Gaji Rendah

Hampir kesemua pekerja yang terlibat dengan perusahaan pemerosesan daun tembakau di stesen pengawetan, menyatakan mereka tidak puashati dengan kadar gaji yang rendah. Kadar gaji dibayar berdasarkan 'piece-rate'. Mereka mengakui bahawa sistem 'piece-rate' yang diamalkan di stesen pengawetan tembakau adalah satu cara terbaik bagi majikan mengupah seseorang pekerja menghasilkan bayaran. Cara yang dibuat ini secara langsung akan dapat meningkatkan

Jadual 5.1: Jenis Masalah Yang Di Hadapi Oleh Pekerja Wanita
Di Stesen Pensawitan Tembakau

Jenis Masalah Yang Di Hadapi	Jenis Pemilihan	Bilangan Responden Mengikut Bidang Kerja dan Pemilihan (swasta & kerajaan)					Jumlah Responden Yang Hadapi Masalah Di Kedua Sektor Pemilihan (%)	% Hadapi Masalah Di Kedua Sektor	Jumlah Yang Tidak Hadapi Masalah Di Kedua Stesen	% Yang Tidak Hadapi Masalah Di Kedua Stesen	Jumlah Keseluruhan Yang Bermasalah	% Keseluruhan Yang Hadapi Masalah	Jumlah Keseluruhan Yang Tidak Hadapi Masalah	% Keseluruhan Tidak Hadapi Masalah	% Keseluruhan Responden	
		Pentadbiran	Checker	Mengikat Merombak Menggred	Lain-lain											
Gaji rendah	S	2	3	23	2		30	100	0	0		60	100	0	100	
	K	3	2	25	0		30	100	0	0						
Kecajikan pekerja tidak diambil berat	S	0	3	23	2		28	93.3	2	6.6		52	86.6	8	13.4	100
	K	0	0	24	0		24	80	6	20						
Tempat kerja tidak memuaskan	S	0	3	24	0		27	90	3	10		53	88.3	7	11.7	100
	K	0	2	24	0		26	86.6	4	13.4						
Rumah tangga	S	1	0	9	0		10	33.3	20	66.7		18	30	42	70	100
	K	0	1	77	0		8	26.6	22	73.4						
Lain-lain	S	0	0	8	0		8	26.6	22	73.4		19	31.6	41	68.4	100
	K	0	0	11	0		11	36.6	19	63.4						

* S - Swasta

60 responden (30 swasta, 30 kerajaan)

K - Kerajaan

Sumber: Ical selidik

pengeluaran dan produktiviti stesen kerana pekerja akan bekerja lebih bersungguh-sungguh untuk mendapatkan gaji atau kadar upah yang lebih baik.

Namun begitu kadar bayaran terhadap para pekerja ini tidak setimpal dengan kerja yang dihasilkan. Mereka bekerja melebihi jam kerja biasa (9.00 - 5.00 petang). Selepas jam tersebut, pekerja wanita masih lagi bekerja dengan kadar bayaran yang sama terutamanya pekerja di bahagian daun basah yang perlu diikat segera pada hari pembelian daun hijau. Pekerja ini sepatutnya dibayar dua kali ganda, kerana bekerja di luar waktu yang ditetapkan. Tindakan majikan tidak membayar kerja lebih masa itu berlawanan dengan Akta Kerja 1955, yang berkuatkuasa pada 1hb. Oktober 1980. Pekerja wanita ini bekerja bersungguh-sungguh menunaikan tanggungjawab mereka, tapi sumbangan yang diberikan itu tidak diberikan ganjaran yang sewajarnya. Majikan mengaut keuntungan berlipat ganda, kemampuan majikan untuk hidup mewah, penggunaan kereta mewah untuk kegunaan peribadi dari jenis BMW dan Mercedes dan juga membina rumah kediaman yang menelan belanja beratus ribu ringgit, sedangkan titik peluh pekerja yang terlibat dalam proses mencipta 'keuntungan' itu tidak diambilkira.

Di kedua-dua jenis pemilikan kerajaan mahupun swasta, tindakan mereka terhadap kebijakan pekerja dari segi gaji adalah sama, tidak bertanggungjawab untuk membayar kerja lebih masa seperti yang terdapat dalam akta tersebut.

Pihak pengurusan/majikan apabila ditanya mengapa tidak mematuhi peraturan tersebut, jawapan yang diberikan "tiada perlu pihak stesen membayar lebih walaupun mereka bekerja pada hari minggu atau cuti, kerana kadar upah yang dibayar berdasarkan banyaknya kerja yang dibuat".

Di bahagian pengurusan pula, pekerja wanita seperti kerani dan juga 'checker' mengalami nasib yang sama. Mereka dibayar dua belas ringgit (\$12) sehari di stesen swasta dan lima belas ringgit (\$15) di stesen kerajaan, namun bebanan kerja yang begitu banyak dilakukan oleh kakitangan bahagian pengurusan itu menyebabkan kadar bayaran yang diberi tidak memadai. 'Checker' yang melakukan tugas memeriksa daun kering yang digredkan penggred, juga terpaksa melakukan tugas lain seperti mengawasi/menyedia pekerja tapi tugas ini tidak dikira.

Seharusnya kerajaan mengambil langkah segera seperti menambahkan bilangan kakitangan yang terbabit untuk menguatkuasakan Akta Kerja 1955 ini, barulah pendapatan pekerja khususnya wanita akan 'berpaduan' dengan kerja yang dilakukan.

5.1.2 Kebajikan Pekerja

Dalam hal ini, banyak 'kebijakan' yang perlu dilaksanakan oleh majikan terhadap para pekerjanya tidak dipenuhi. Antaranya tidak menyediakan kemudahan caruman KWSP, tidak mendaftar pekerja dengan Jabatan Buruh, kemudahan rawatan, cara pembayaran gaji dan lain-lain.

Disebabkan pekerja wanita yang terlibat dengan industri ini merupakan pekerja bermusim dan sementara, pihak majikan telah mengambil sikap mudah terhadap kebijakan dengan alasan taraf bermusim itu menyebabkan pekerja tidak layak menerima kemudahan seperti pekerja lain. Hanya pekerja tetap sahaja mengikut pendapat majikan perlu dipenuhi segala bentuk kemudahan yang ditetapkan kerajaan.

Akan tetapi keadaan adalah sebaliknya. Mengikut Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 (Employees Provident Fund Act 1951) menyebutkan:-

"Employee" means any person, not being a person of descriptions specified in the First schedule of this act, who has attained the age of sixteen years and is employed under a contract of service or apprenticeship whether written or oral and whether expressed or oral and whether expressed or implied, to work for employer."

Berpandukan kepada akta di atas, pekerja wanita di stesen pengawetan tembakau yang menjadi tajuk kajian adalah diistilahkan sebagai 'pekerja' mengikut akta tersebut. Mereka berumur 16 tahun ke atas, oleh itu pekerja ini berhak untuk menikmati segala kemudahan seperti dalam Akta Kerja 1955. (Rujuk Lampiran 1). Taraf pekerjaan bermusim yang menjadi sebab majikan untuk tidak mematuhi undang-undang tersebut, merupakan alasan mudah mengelakkan diri dari memikul beban kos yang besar.

Majikan di stesen pengawetan tembakau ini dengan sengaja tidak mendaftarkan pekerja mereka mengikut Peraturan 5, Seksyen 6, Akta Kerja 1955. Tanpa mengisi butir peribadi dan syarat pekerja bagi setiap pekerja (Rujuk Lampiran 2), majikan dapat mengaut keuntungan yang besar sedangkan pekerja teraniaya.

Sebenarnya pekerja wanita yang terlibat menyedari akan eksplotasi gunatenaga yang dibuat ke atas mereka, tapi memandangkan pekerjaan lain yang sukar didapati menyebabkan mereka terus 'bertahan' di situ. Dari tidak bekerja langsung, baik mereka terus bekerja walaupun pendapatan yang diterima itu kecil.

Mengikut Akta Kerja 1955 ini, majikan diwajibkan untuk mengisi butir-butir mengenai pekerjaan yang ditawarkan. Dengan tidak mendaftar pekerja, majikan tidak perlu membayar caruman bagi pihak syarikat kepada pekerjanya. Satu langkah penipuan oleh majikan dalam mengeksplotasi pekerja sedangkan Seksyen 7, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja menyatakan:-

"Semua pekerja dan majikan adalah bertanggungan membayar sumbangan bulanan dengan kadar yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga."
(Rujuk Lampiran 2)

Tanpa adanya caruman KWSP ini, maka masa depan pekerja menjadi samar-samar apabila ia berhenti atau diberhentikan. Sekurang-kurangnya jika ada caruman ini dapat meringankan beban yang dipikul mereka.

Kemudahan lain seperti rawatan penama yang ditanggung sepenuhnya oleh pihak syarikat kepada para pekerjanya, tidak meliputi semua pekerja. Andainya berlaku kandungan, kos perubatan terpaksa ditanggung sendiri. Sebagai sebuah syarikat perniagaan, sebenarnya mereka menyediakan kemudahan rawatan sekurang-kurangnya rawatan kelas tiga dan juga insuran kemalangan yang dapat memberi pampasan dan gantirugi akibat kecederaan sewaktu bekerja.

Dalam tahun 1988, Pejabat Buruh Negara membuat pemeriksaan mengejut ke beberapa buah stesen pengawetan dan mendapati sememangnya benar rungutan pekerja bahawa mereka dieksplotasi gunatenaga tanpa dibayar kerja lebih masa. Majikan stesen pengawetan pada setiap musim memperolehi keuntungan antara \$150 ribu hingga \$450 ribu ringgit semusim, bergantung di atas jumlah kuota yang diberi LTN dan kapasiti rumah awet yang ada pada setiap stesen.

Walaupun majikan ada menyediakan beberapa kemudahan untuk pekerja seperti pinjaman kecemasan, menyedia pengangkutan untuk pekerja, kantin, masalla, ianya tidak dapat dianggap sebagai satu kemudahan asas. Tidak dinafikan majikan mengeluarkan modal yang besar untuk menggerakkan sesebuah stesen pengawetan, tapi ianya tidak seharusnya dijadikan alasan dengan mengeksplotasi pekerja, bagi mendapatkan pelanggan yang cepat dan menguntungkan.

Dalam perniagaan tembakau ini, kemungkinan pengusaha mengalami kerugian adalah tipis sekali kerana pelbagai bantuan dan subsidi diberi kerajaan untuk memajukan lagi perusahaan memproses tembakau. Keadaan ini dapat dibuktikan dengan kemampuan



Gambar E: Rumah Lama salah seorang Pengusaha Stesen Pengawetan Tembakau



Gambar F: Rumah Baru - Hasil dari keuntungan perniagaan tembakau, rumah baru yang menelan beratus ribu ringgit dapat dibina, sedangkan tenaga pekerja yang dieksplorasi tidak dihargai



Gambar G: Pekerja wanita bekerja dengan duduk bersila yang beralaskan plastik (Menggredkan daun 'skrap')



Gambar H: Suasana tempat kerja yang tidak 'menyenangkan'

beberapa pengusaha yang ditemui memiliki harta persendirian seperti tanah, kereta mewah seperti Mercedes dan BMW serta juga rumah yang besar. Gambar E dan F menunjukkan salah sebuah rumah pengawet tembakau yang memperolehi keuntungan dari perniagaannya. Pembinaan rumah baru yang menelan belanja beratus ribu itu menunjukkan golongan pengusaha stesen ini memperolehi keuntungan yang besar dari perniagaan pemerosesan tembakau ini.

5.1.3 Tempat Kerja Yang Tidak Memuaskan

Keadaan tempat kerja adalah salah satu tempat yang penting dalam proses pengeluaran. Dengan tempat kerja yang bersih dan teratur akan menjadikan suasana pekerjaan itu sebagai satu dorongan bagi pekerja untuk menghasilkan barang dan seterusnya peningkatan dalam produktiviti.

Di stesen pengawetan tembakau, keadaan tempat kerja adalah mengotorkan. Hanya pekerja di bahagian pentadbiran yang mempunyai alat kelengkapan yang cukup.

Para pekerja terdedah kepada pelbagai kemungkinan untuk diserang penyakit. Suasana, terutamanya di bahagian penggredan yang dilakukan dalam bangsal atau grading yang tertutup menyebabkan keadaan yang tidak selesa (kepuasan) diakui oleh pekerja. Mereka (pekerja wanita) melakukan kerja menggred dengan duduk bersila di atas simen, hanya beralaskan plastik. Sepatutnya majikan menyediakan alas kerusi yang lebih baik ataupun membuka kawasan grading agar lebih banyak udara dapat masuk. (Rujuk Gambar G dan H, suasana tempat kerja).

Hanya perhubungan mesra yang wujud di antara pekerja dapat menghilangkan rasa ketidakselesaan dalam 'grading' sewaktu bekerja.

5.1.4 Masalah Rumahtangga

Faktor rumahtangga bagi pekerja wanita yang bekerja di stesen pengawetan bukanlah menjadi penghalang terhadap kerja yang dilakukan. Bagi pekerja wanita yang telah berumahtangga, tiada masalah besar dihadapi. (Rujuk Jadual 5.1). Hanya 30% dari keseluruhan responden wanita menghadapi masalah rumahtangga.

Antara masalah utama yang dihadapi oleh pekerja wanita sewaktu datang bekerja ialah tentang penjagaan dan pengurusan anak serta rumahtangga. Untuk mengatasi masalah penjagaan anak, kerjasama dari suami terutamanya yang tidak mempunyai kerja tetap seperti kerja kampung, akan mengambil alih tugas isteri buat sementara mereka bekerja. Sebahagian dari suami, isteri yang bekerja di stesen pengawetan ini menunjukkan sikap toleransi bantu isteri menguruskan soal anak-anak.

Namun begitu, sebahagian dari ibu-ibu yang bekerja membawa anak kecil bersama ke tempat kerja. Anak yang lebih besar ditinggalkan di rumah jiran atau rumah mertua. Oleh kerana kerja yang dilakukan adalah berdasarkan 'piece-rate', maka jika terdapat sebarang masalah tentang keluarga dan rumahtangga, para pekerja terbabit boleh meninggalkan kerja mereka untuk menyelesaiannya.

Kerjasama dan dorongan yang diberikan suami agar isteri bekerja di stesen pengawetan, secara tidak langsung dapat menambah pendapatan keluarga dari kesejahteraan rumah tangga.

5.1.5 Lain-Lain Masalah

Terdapat beberapa masalah lain yang wujud bagi pekerja wanita di stesen pengawetan tembakau ini. Antaranya 'pilih kasih' dalam memberi sebarang bentuk layanan dan ganjaran. Mereka yang mempunyai hubungan yang baik dengan penyelia dan lain-lain kakitangan pengurusan serta majikan, berpeluang menikmati keistimewaan itu. Contoh yang paling ketara, sewaktu pekerja inginkan pinjaman kecemasan. Mereka yang rapat memperolehinya dahulu. Begitu juga dengan susunan tempat kerja sewaktu pembelian daun hijau, mereka ini diberi tempat kerja di bahagian hadapan supaya senang bagi pekerja meletak daun hijau bagi mereka mengilas. Cara pembayaran gaji pun sama, mereka yang ada hubungan itu biasanya diberi dahulu sebelum hari pembayaran gaji sebenarnya. Keadaan ini menimbulkan rasa kurang senang pekerja lain, adakalanya berlaku pertengkaran dan pergaduhan menyebabkan pengeluaran syarikat terjejas.

Kemudahan pengangkutan yang disediakan syarikat tidak meliputi semua pekerja. Hanya pekerja yang tinggal jauh dari stesen diberi pengangkutan percuma. Sistem pembayaran gaji pula tidak mengikut seperti yang dijanjikan (dua kali sebulan) dan pada tarikh yang ditetapkan. Walaupun ianya tetap dibayar, kelewatan itu menyebabkan pekerja merasa "kurang senang" untuk terus bekerja. Tapi kerana keadaan untuk membantu kadar dan taraf hidup diri dan

keluarga, memaksa pekerja wanita di luarbandar yang terlibat dengan sektor ini terus bekerja.

5.2 Masa Depan

Prospek masa depan pekerja wanita dan pekerja lain keseluruhannya dalam industri pemerosesan tembakau di stesen pengawetan ini masih samar-samar dan tidak terjamin.

Taraf pekerjaan bermusim yang menjadi alasan majikan tidak memenuhi tanggungjawabnya, seperti tiadanya caruman KWSP ataupun SOCSO, pampasan jika diberhentikan kerja dan lain-lain insentif menyebabkan masa depan mereka malap. Ketiadaan simpanan/ caruman atau saguhati dari syarikat walaupun pekerja wanita ini telah bekerja bertahun-tahun, menjadi persoalan. Mengapa wujudnya keadaan sedemikian? Selain dari sikap tidak ambil berat majikan, peranan pihak berkuasa seperti dari Jabatan Buruh, LTN, KWSP dan lain-lain agensi bersangkutan perlu menguatkuasakan sebarang akta berkaitan dengan buruh secara lebih tegas. Tindakan undang-undang yang segera perlu diambil agar nasib pekerja wanita tidak terus teraniaya.

Pada masa kini tiada pihak yang dapat menjanjikan masa depan yang lebih cerah bagi pekerja wanita di stesen pengawetan ini, kecuali agensi kerajaan di atas. Pelbagai bantuan dan saranan/cadangan diberi untuk menggerakkan perusahaan ini kepada pengusaha stesen, penanam tembakau dan juga pengilang rokok, tapi mengenai pekerja di stesen terutamanya wanita terabai. Sepatutnya pembangunan dan kebijakan pekerja selaras dengan pembangunan perusahaan seluruhnya.

BAB VI

KESIMPULAN

Dalam zaman yang menghadapi berbagai perubahan dan cabaran seperti yang wujud hari ini. Peranan kaum wanita terhadap perkembangan masyarakat melalui bidang atau kegiatan yang diceburi tidak dapat diketepikan. Kini, kaum wanita saling berganding bahu bersama kaum lelaki memikul tanggungjawab bersama terhadap diri, keluarga, masyarakat dan juga negara.

Kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan wanita dalam pekerjaan khususnya wanita yang terlibat dengan perusahaan memproses tambahan di stesen pengawetan dapat menjalankan penduaan peranan mereka dengan baik, terutama dengan adanya kerjasama dari suami dan waktu bekerja yang 'flexible' secara idealnya tugas wanita adalah terhadap keluarga dan rumahtangga. Kesedaran dan kepercayaan untuk meningkatkan taraf keluarga dan diri menyebabkan wanita bekerja di luar rumah. Keadaan ini adalah bertepatan dengan usaha kerajaan di mana wanita adalah digalakkan untuk memberi sumbangan dalam pelbagai bentuk terhadap masyarakat dan negara.

Dalam bab terakhir ini, pengkaji akan membuat rumusan hasil dari kajian yang dilakukan terhadap penglibatan buruh wanita dalam perusahaan memproses tembakau ini. Rumusan dapat dikategorikan kepada dua bahagian seperti di bawah:-

- (i) Sejauhmana saranan-saranan yang dibuat oleh para sarjana sosiologi seperti yang dibincangkan di Bab II

itu bertepatan dan dapat diaplikasikan dalam kontek penglibatan buruh wanita di stesen pengawetan yang menjadi kes kajian.

- (ii) Saranan dan cadangan terhadap permasalahan yang dihadapi oleh pekerja di stesen pengawetan ini.

Walaupun pada umumnya berlaku perubahan sikap di mana kaum wanita turut bekerja di luar rumah, akan tetapi keadaan ini tidaklah mengakibatkan berlakunya perubahan lain yang dapat mengurangkan tanggungjawab dan peranan mereka terhadap rumah tangga. Penglibatan kaum wanita di sektor makan gaji di stesen pengawetan tembakau bukanlah semata-mata untuk mendapatkan wang, memenuhi keperluan diri seperti membeli barang yang dianggap mewah. Akan tetapi penglibatan mereka adalah berdasarkan kepada 'tanggungjawab' untuk membantu suami bagi yang telah berkahwin dan keluarga bagi yang bujang untuk bersama mengatasi masalah 'kewangan' yang dihadapi. Rasa tanggungjawab bersama untuk keselesaan dan keharmonian rumah tangga dan keluarga menjadi faktor-faktor pendorong yang penting menyebabkan responden keluar bekerja.

Jenis pekerjaan 'bermusim' di dalam industri tembakau ini, menjadi pendorong untuk mereka bekerja lebih kuat musim penanaman dan pemerosesan yang singkat menyebabkan mereka bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh untuk mengaut sebanyak mungkin pendapatan. Purata pendapatan yang diterima responden adalah di antara \$150 - \$300 sebulan. (Rujuk Jadual 4.5). Walaupun angka pendapatan ini kecil, namun ia mampu untuk membiayai keperluan

dapur dan sedikit perbelanjaan persekolahan anak-anak. Bila digabungkan dengan pendapatan suami, yang rata-ratanya memperolehi pendapatan melebihi \$250 sebulan, maka jumlah pendapatan ini telah dapat membaiki kedudukan ekonomi keluarga untuk hidup lebih sempurna. Bagi yang belum berkeluarga, pekerjaan yang dilakukan oleh responden ini dapat mengurangkan pergantungan diri terhadap ibubapa dan juga dapat meringankan beban keluarga.

Banyak kajian yang telah dilakukan oleh ahli-ahli sosiologi dalam membincangkan tentang peranan dan penglibatan wanita dalam pekerjaan ini. Antara pendapat yang dikemukakan oleh Olive Shreiner (lihat Bab II), peranan wanita adalah terhad kepada rumah tangga sahaja dan keadaan ini berubah apabila berlakunya revolusi industri di Eropah. Namun begitu penglibatan tidak dihargai masih menerima gaji rendah dan alasan yang dikemukakan oleh Shreiner ialah taraf pendidikan yang rendah dimiliki kaum wanita menyebabkan mereka menerima kadar upah yang rendah. Keadaan sebaliknya berlaku dalam sektor pekerjaan di stesen pengawetan tembakau. Walaupun lebih dari 75% responden (Rujuk Taraf Pendidikan Responden, Jadual 7.2) mempunyai pendidikan yang agak baik, namun mereka masih menerima kadar upah yang rendah. Majikan di sektor pekerjaan ini sebenarnya tidak mementingkan taraf pendidikan yang dimiliki, tapi kemahiran yang menjadi ukuran taraf pendidikan tidak dapat dijadikan asas untuk mendapatkan kadar upah yang minimum.

Pendapat yang dikemukakan oleh Ach Mitchell nampaknya lebih menepati dengan kajian pengkaji. Ia menunjukkan segala bentuk peraturan yang dibuat untuk wanita di sektor ekonomi adalah dilakukan oleh lelaki. Dengan menganggap wanita sebagai satu golongan yang lemah, maka dengan senang mereka dieksplotasi di mana pulasi dalam penentuan kegiatan buruh dalam masyarakat kapitalis. Keadaan ini ada benarnya dalam industri yang menjadi kajian ini. Sistem ekonomi campuran yang diamalkan di negara ini sebenarnya lebih bercirikan sistem kapitalis di mana kaum pemodal dibenarkan berbuat apa saja untuk memaksimakan keuntungan dari aktiviti perniagaan yang dijalankan. Dengan ini mereka dapat menetapkan harga yang rendah bagi buruh wanita yang bergaji. Oleh kerana kaum wanita yang melibatkan diri di sektor pekerjaan di stesen pengawetan ini 'memerlukan' pekerjaan bagi menambahkan pendapatan dan tidak pula memerlukan kelayakan pelajaran yang khusus, mereka dengan senang hati bekerja walaupun kadar upah yang diberikan adalah rendah.

Pendapat yang dikemukakan oleh Shorter (lihat Bab II) juga menepati kajian pengkaji. Kebanyakan responden membawa balik pendapatan yang diperolehi bersama berkongsi membantu keluarga dan juga keperluan sendiri. Pergantungan hidup kaum wanita tidak begitu kuat lagi. Mereka bebas untuk menggunakan wang dan memenuhi segala keinginan. Keadaan hidup mereka juga semakin meningkat hasil dari pendapatan yang banyak digunakan untuk keperluan rumah tangga. Keadaan sedemikian menunjukkan wanita memainkan peranan penting dalam menentukan keharmonian

rumah tangga.

Penduaan peranan yang dilakukan oleh wanita terbabit di sektor pekerjaan ini, secara langsung menafikan pendapat seorang lagi ahli sosiologi iaitu Darling, yang menegaskan tempat wanita yang khusus adalah di rumah menjalankan tugas sebagai isteri dan menjadi ibu kepada anak-anak. Wanita dikatakan tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan dalam apa jua aspek sama ada dalam ekonomi politik, maupun sosial. Tapi keadaan ini ada benarnya pada zaman tradisi sahaja di mana lelaki adalah ketua segalanya. Hari ini peranan wanita jauh berbeza, mereka saling berganding bahu bersama lelaki mencari nafkah dan pendapat serta cadangan dari pihak wanita kini adalah diperlukan bila menghadapi sesuatu masalah dalam kehidupan. Ini jelas dari kes kajian yang dijalankan.

Penglibatan wanita dalam pekerjaan meninggalkan kesan terhadap wanita itu sendiri. Hasil dari penglibatan mereka dalam bidang pekerjaan telah dapat menambahkan pengetahuan, hasil dari pergaulan di tempat kerja dapat meningkatkan pengalaman jika dibandingkan dengan peranan mereka di zaman tradisi. Keadaan ini dapat menangkis tohmahan dan dakwaan dari setengah golongan beranggapan bahawa akibat penyertaan mereka dalam pekerjaan ini maka lebih banyak meninggalkan kesan negatif ke atas masyarakat. Aspek ini perlu dikaji semula. Umpamanya ada yang menyatakan penglibatan wanita dalam pekerjaan telah membawa pengangguran di kalangan lelaki dan pandangan negatif dengan pelbagai gelaran 'Minah Karan', yang tidak bermoral dan sebagainya. Sumbangan

wanita terhadap industri memproses tembakau di stesen pengawetan amat besar. Jenis kerja yang dilakukan wanita sebenarnya tidak difahami oleh lelaki walaupun itu mereka boleh melakukannya. Tanpa penyertaan wanita, industri tembakau akan lumpuh dan seharusnya sumbangan mereka ini dihargai bukannya terus dieksplotasi.

Mengenai hubungan kekeluargaan pula akibat dari penglibatan wanita dalam pekerjaan ini, menyebabkan hubungan mereka dengan anggota masyarakat setempat agak renggang dari masa yang diluangkan di rumah agak singkat, yang bererti menjelaskan proses sosialisasi anak-anak. Bagi responden yang telah berkahwin keadaan ini telah menimbulkan masalah besar kerana mereka bijak membahagikan masa antara tugas dan rumahtangga. Hasil dari keinginan untuk menjadikan anak-anak berjaya dalam pelajaran dan berguna kepada masyarakat; mereka bersusah payah bekerja, mengorbankan masa bersara anak, sewaktu musim tembakau bagi menyediakan kemudahan untuk masa depan anak-anak. Selepas musim tembakau mereka menjaga anak sepenuh masa.

Dalam bahagian kedua rumusan, akan dicadangkan saranansaran yang diperlukan dan sepatutnya dijalankan oleh pihak terlibat dalam menentukan 'kebijikan' pekerja wanita di stesen pengawetan ini terbela.

Beberapa undang-undang dan akta telah diluluskan oleh kerajaan bagi menentukan kepentingan dan kebijikan pekerja terpelihara, seperti Akta Kerja 1955, Akta KWSP 1951 (Rujuk Lampiran I dan 5) dan beberapa undang-undang kecil yang lain. Namun begitu perlaksanaan undang-undang tersebut berada di tahap

mendukacitakan. (Rujuk Bab V). Nasib para pekerja khusus wanita di stesen pengawetan tembakau masih tidak terurus. Tenaga mereka dieksplot sepenuhnya dalam usaha mencari keuntungan. Sebagai manusia, wanita tidak boleh disamakan dengan mesin. 'Perasaan' dan hubungan kemanusiaan perlu dijagai dengan cara insentif yang berbagai, keadaan ini tidak wujud di stesen pengawetan sedangkan majikan memperolehi keuntungan yang besar dari pekerjaan yang dilakukan oleh mereka.

Pihak kerajaan, melalui agensi dan badan-badan yang terlibat mengenai buruh seperti Jabatan Buruh dan Lembaga Tembakau Negara yang terlibat secara khusus dalam memajukan perusahaan dan penanaman tembakau, dari kajian yang dilakukan tidak ada kata sepakat di antara agensi-agensi ini dalam melakukan tugas terutama dari segi kebijakan para pekerja di stesen pengawetan LTN, walaupun tidak mempunyai bidang kuasa untuk menjaga hal ehwal pekerja. Sepatutnya kerjasama diberikan kepada Jabatan Buruh untuk bersama merangka satu jalan penyelesaian bagi membaiki taraf pendapatan dan kebijakan pekerja wanita dan pekerja lain di stesen pengawetan. Sedangkan kita sedia maklum bahawa tenaga wanita itu amat penting terhadap perusahaan memproses tembakau seperti yang telah dijelaskan di bab-bab yang lepas.

Tindakan majikan tidak mendaftar pekerja-pekerja dengan Jabatan Buruh telah dapat menggalakkan mereka membayar caruman KWSP, bayaran 'overtime' dan lain-lain kemudahan asas yang perlu dinikmati oleh individu yang diistilahkan sebagai 'pekerja'.

Sepatutnya Jabatan Buruh dengan kerjasama Lembaga Tembakau Negara, perlu memberi penerangan dan penjelasan sewajarnya tentang tanggung-jawab dan peranan majikan kepada pekerja dan sebaliknya.

Dari perhatian yang dilakukan, tindakan pihak penguatkuasa iaitu pegawai dari Jabatan Buruh hanya memberi penekanan terhadap majikan sahaja. Sepatutnya pemahaman tentang peraturan dan tanggungjawab setiap pekerja perlu diberitahu dengan lebih jelas. Keadaan ini tidak didapati di stesen pengawetan tembakau. Walaupun sebahagian besar responden mempunyai tahap pendidikan yang agak baik tanpa penerangan dan maklumat lanjut menyebabkan mereka tidak tidak mengetahui apakah yang sepatutnya dilakukan jika majikan mengeksplot mengeksplot tenaga mereka secara berlebihan. Mereka tidak didekah dengan peraturan yang ada.

Alasan kekurangan kakitangan diberikan oleh Pegawai Jabatan Buruh, apabila ditanya mengapa mereka tidak pergi melihat dan mendengar sendiri masalah para pekerja di stesen pengawetan.

Para pekerja sendiri tidak mampu untuk bertindak terhadap majikan. Mereka tidak mempunyai kesatuan untuk memperjuangkan nasib mereka di meja perundingan. Taraf kerja bermusim dijadikan alasan mengapa para responden walaupun tahu tentang 'union' tidak cuba menuahkan kesatuan sekerja. Nasib mereka di sektor ini bergantung sepenuhnya di tangan majikan. Adalah diharapkan pihak berkuasa dapat membentuk satu badan yang dapat menjaga kepentingan para pekerja ini seperti yang ada pada pengawet atau majikan stesen pengawetan iaitu Dewan Pengawetan Tembakau Malaysia.

Kekurangan kakitangan seperti yang dijelaskan di atas perlu diatasi segera bagi menguatkuasa segala undang-undang dan akta untuk melindungi para pekerja. Tindakan yang lebih tegas diperlukan seperti membawa mereka terlibat ke mahkamah dan mengenakan denda semaksima mungkin terhadap majikan. Dengan ini majikan akan lebih berhati-hati dalam menyediakan prasarana yang diperlukan oleh para pekerja. Kerajaan telah memberi bantuan dan subsidi dalam memperkembangkan penanaman dan perusahaan tembakau, tapi keadaan pekerja yang terbabit adalah tidak seiring dengan perkembangan perusahaan ini. Nasib mereka masih terumbang-ambing kerana bidang kerja ini tidak mempunyai masa depan yang cerah.

Sebagai kesimpulannya, jikalau penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang adalah perlu bagi menyelesaikan pemasalahan pekerja-pekerja industri pemerosesan tembakau ini. Di antaranya adalah seperti berikut:-

(i) Strategi Jangka Pendek

Tindakan serta merta ke atas majikan yang tidak mendaftar pekerja mengikut saluran dengan pengawasan Jabatan Buruh bagi mengelakkan penyelewengan. Juga dalam penentuan kadar upah, bayaran 'overtime' dan lain-lain.

(ii) Strategi Jangka Panjang

Mengambil tindakan mahkamah, gantung lesen perniagaan dan denda yang lebih berat jika majikan enggan mematuhi andaian di atas.

Pindaan ke atas akta dan undang-undang agar hukuman lebih berat dapat dikenakan. Panduan dan penerangan yang lebih jelas diperlukan kepada para pekerja untuk bersatu membentuk 'union', ^{mewakili} mereka agar 'suara' dan 'kuasa' pekerja dapat menggoncang gugat majikan dalam proses tawar menawar bila majikan melakukan sesuatu perkara yang bercorak penindasan dan penyelewengan.

BIBLIOGRAFI

A. BUKU

- Banton, Michael Roles: An Introduction to the Study of Social Relations, Tavistock Publications, 1965.
- Darling, Martha The Role of Women in the Economy, Organisation for Economic Cooperation and Development, Paris, 1975.
- Ernestine, Friedl Women and Men, An Anthropological View, New York, 1975.
- Edmund, Dahlstrom The Changing Roles of Man and Woman, Gerald Duckworth Co. Ltd. 3, Havestta St., London W.L.
- Fatimah Daud 'Minah Karan', The Truth About Malaysian Factory Girls, Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1985.
- Gross, N Role, University Press, Cambridge, 1972.
- Hasyimah Roose Changes in the Position of Malay Women, in Barbara E. Word, Woman in the New Asia, UNESCO, 1965.
- Linton, Ralph The Study of Man, Appleton Century-Crofts, New York, 1936.
- Raymond, Firth Malay Fisherman: Their Peasant Economy, Archon Books, Hamden Cenn, London, 1966.
- Shreiner, O Women and Labour, Allen Sunwin, 1911, In Proceedings of Ninth International Symposium of Asian Studies, 1987, oleh Dr. Fatimah.
- Sidi Gazalba Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis, Penerbit Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1981.

B. LATIHAN ILMIAH, TESIS DAN DISERTASI

Dr. Fatimah Daud

Socio-Economic Problems of Workers:
A Base Study of Electronics Workers
in a Multivation Japanese Firm,
Ph.D. Thesis, Department of
Anthropology and Sociology, University
of Malaya, 1983.

Wan Abdul Kadir Wan Yusoff

Keadaan Komuniti Nelayan dan Petani
Di Kampung Kedai Buluh, Kelantan,
Jabatan Pengajian Melayu, Universiti
Malaya (M.A. Thesis).

Che Ghani Mohamed

Penglibatan Bumiputera Dalam Pengeluaran
Pengawetan Tembakau, Satu Kajian Kes
Ke Atas Pengawet di Pasir Puteh,
Kelantan, Latihan Ilmiah, Jabatan
Antropologi dan Sosiologi, Universiti
Malaya.

C. MAJALAH, MAKALAH DAN LAPORAN KHAS

Lembaga Tembakau Negara
Laporan Tahunan 1986, 1987, 1988

Lembaga Tembakau Negara
Perangkaan Tembakau, Bachok, Kelantan, 1988

Kerajaan Malaysia
Laporan Ekonomi 1987/88
Kementerian Kewangan, Percetakan Malaysia

Rancangan Malaysia Lima - 1986 - 1990
Jabatan Percetakan Negara

Laporan Perkembangan Jajahan Bachok 1988
Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok

Laporan Perkembangan Perusahaan Tembakau 1988
UPEN, Kelantan, Kota Bharu

Peranan dan Perkhidmatan, Jurnal LTN 1956
Kota Bharu, Kelantan

Omar Hj. Ahmad, Perusahaan Tembakau Di Kelantan
In Seminar Budaya dan Sejarah Kelantan 1980

Kerajaan Negeri Kelantan, 1988
Fokus Negeri Kelantan